



Hujung Minggu

پروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.02 | SUBUH 5.12 | SYURUK 6.34 | DUHA 6.58 | ZUHUR 12.32 | ASAR 3.53 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 8

18 JANUARI 2025 / 1446 چ 18

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

BERANGKAT KE TAYANGAN FILEM 'PADDINGTON IN PERU'

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Jumaat, 17 Januari. - Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam (NBD) malam tadi mengadakan dua tayangan filem 'Paddington in Peru' bagi pihak-pihak berkepentingan serta keluarga kanak-kanak berkeperluan khas dan kelainan upaya yang berlangsung di Pawagam The Empire Brunei, Jerudong, di sini.

Berangkat pada tayangan filem berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

>> Muka 2



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat pada tayangan filem 'Paddington in Peru' yang berlangsung di Pawagam The Empire Brunei. Turut berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Sesi rangkaian teroka peluang kerjasama agensi pelancongan

Siaran Akhbar :
Jabatan Kemajuan Pelancongan

JAKARTA, INDONESIA, Rabu, 15 Januari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di Jakarta dan Persatuan Agensi Pelancongan Indonesia (ASITA) berjaya menganjurkan sesi rangkaian yang bertujuan untuk memupuk perkongsian yang lebih kukuh dan meneroka peluang kerjasama antara agensi pelancongan dari NBD dan Republik Indonesia.

Menyedari kepentingan Indonesia sebagai sasaran utama pasaran, inisiatif ini dibuat di tengah-tengah peningkatan yang berterusan dalam ketibaan pelancong Indonesia ke NBD.

Indonesia secara konsisten berada dalam kalangan antara tiga teratas bagi ketibaan pelancong bagi industri pelancongan Brunei. Pada tahun 2024, NBD merekodkan 25,974 ketibaan pelancong melalui udara dari Indonesia, hampir dua kali ganda daripada 13,673 ketibaan pada 2023.

>> Muka 8

Jasa khidmat, pengorbanan 121 pesara JPM dihargai

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Januari. - Persaraan bukanlah titik noktah atau bermakna sumbangan para pesara terhadap negara dan bangsa telah berakhir. Dengan berbekalkan kemahiran, kepakaran, dan pengalaman yang diperolehi semasa berkhidmat dengan kerajaan, negara sentiasa sahaja menaruh harapan dan penuh percaya bahawa *abis kita* akan terus aktif memberikan sumbangan berharga secara langsung atau tidak langsung kepada

masyarakat melalui pelbagai platform.

Sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD), kita tetap mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk sama-sama berganding bahu ke arah pembangunan dan kemajuan negara demi mengekalkan kesejahteraan, keamanan, dan kemakmuran yang dinikmati pada masa ini dan bersama-sama mendukung kepada merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

>> Muka 3

BruHealth 5.0 : Tingkatkan penjagaan peribadi, optimumkan penggunaan sumber

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Khamis, 16 Januari. - BruHealth versi 5.0 diperkenalkan sebagai sebuah platform transformatif yang direka untuk memperkasakan individu dalam menguruskan kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa BruHealth 5.0 bukan sekadar aplikasi, ia

adalah rakan kita dalam perjalanan kesihatan.

"Setiap langkah, daftar masuk, dan aktiviti yang direkodkan memberikan maklumat bernilai untuk membentuk masa depan penjagaan kesihatan negara kita," ujar Yang Berhormat semasa Majlis Pelancaran Aplikasi BruHealth Versi 5.0 yang berlangsung di Central Concourse, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

>> Muka 4

مانیسش ایمان MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah yang diberikan kepada kamu, sedang kamu mengetahuinya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfaal ayat 27.



Berita Utama



37 pegawai serta Kursus Maktab Turus Sesi Ke-15

Muka 9



RANGSANG inovasi teknologi, majukan penyelidikan, kajian tenaga

Muka 11



MENYELARAS isi kandungan ceramah lebih konsisten, relevan

Muka 13



RENCANA

UTAMAKAN didikan agama, akhlak kepada anak

Muka 21

Berangkat ke tayangan filem 'Paddington in Peru'



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berbual mesra (atas), sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta anakanda-anakanda DYTM semasa berkenan menyaksikan tayangan filem berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah. Juga dijemput adalah pegawai-pegawai kerajaan serta wakil-wakil daripada industri



kreatif.

Suruhanjaya Tinggi British di NBD bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Yayasan Kanser Kanak - kanak (YASKA), SMARTER Brunei, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, An-Nur Harapan dan Projek Impian bagi menghoskan kanak - kanak berkeperluan khas dan kelainan upaya, serta keluarga mereka,

sebagai tanda komitmen untuk menggalakkan inklusiviti dan memperkuatkan hubungan komuniti.

Dicipta oleh Michael Bond pada akhir tahun 1950-an, filem berkenaan telah menawarkan imaginasi pembaca dan penonton filem dari kalangan pelbagai generasi.

Paddington bukan sekadar beruang memakai kot duffle. Beliau adalah contoh cemerlang

bagaimana industri kreatif boleh menyampaikan cerita yang menyentuh hati, membuat penonton ketawa dan juga membawa mesej yang kuat.

Paddington adalah simbol global kreativiti dan penceritaan British, satu watak yang mengajar orang ramai bahawa walaupun dalam situasi mencabar, sedikit kesabaran dan akhlak yang baik boleh membawa jauh ke hadapan.

Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie menjelaskan beruang Paddington sememangnya melambangkan kebaikan, inklusiviti, dan kepentingan membantu satu sama lain.

"Acara hari ini mencerminkan nilai-nilai tersebut, dan kami gembira berkongsi keajaiban kisah Paddington dengan awda di Brunei."

Tayangan perdana ini bukan sekadar sambutan terhadap filem British, tetapi juga peluang untuk memperdalam hubungan kami dengan komuniti tempatan dan menonjolkan kepentingan inklusiviti," terang Puan Yang Terutama lagi.

WAKTU SEMBAHYANG

| JANUARI MASIHI | HARI | REJAB HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|-------------------|--------|-----------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 18 | SABTU | 18 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.32 | 3.53 | 6.27 | 7.40 |
| 19 | AHAD | 19 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.58 | 12.32 | 3.54 | 6.27 | 7.40 |
| 20 | ISNIN | 20 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.59 | 12.32 | 3.54 | 6.28 | 7.41 |
| 21 | SELASA | 21 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.59 | 12.33 | 3.54 | 6.28 | 7.41 |
| 22 | RABU | 22 | 5.04 | 5.14 | 6.35 | 6.59 | 12.33 | 3.54 | 6.28 | 7.41 |
| 23 | KHAMIS | 23 | 5.04 | 5.14 | 6.35 | 6.59 | 12.33 | 3.55 | 6.29 | 7.42 |
| 24 | JUMAAT | 24 | 5.04 | 5.14 | 6.36 | 6.59 | 12.33 | 3.55 | 6.29 | 7.42 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

| SABTU | AHAD | ISNIN |
|--|----------------|-------|
| Bandar Seri Begawan | | |
| 32 °C | 32 °C | 30 °C |
| 25 °C | 25 °C | 25 °C |
| Pekan Bangar | | |
| 33 °C | 32 °C | 31 °C |
| 24 °C | 24 °C | 25 °C |
| Pekan Tutong | | |
| 32 °C | 31 °C | 30 °C |
| 24 °C | 25 °C | 25 °C |
| Kuala Belait | | |
| 32 °C | 31 °C | 30 °C |
| 24 °C | 24 °C | 25 °C |
| WallahuAlam Bissawab | www.met.gov.bn | |
| Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi | | |

SIDANG PENGARANG

18 JANUARI 2025

Bijak dalam pengurusan masa

MASA amat penting untuk dimanfaatkan kerana masa yang terbuang tidak dapat diputar kembali. Masa tidak sepatutnya terbuang begitu sahaja dan ia perlu diisi dengan pelbagai perkara dan aktiviti yang dapat memberi manfaat dan keseronokan kepada diri sendiri dan juga masyarakat sekitar.

Namun, jika masa tidak diisi dengan perkara yang mendatangkan manfaat, sudah setentunya masa terasa berlalu terlalu pantas dan tanpa disedari ia telah jauh meninggalkan kita. Kita mempunyai masa selama 24 jam sehari semalam, dan oleh itu perlulah kita manfaatkan dengan sebaik mungkin.

Pengurusan masa dengan lebih efisien akan mampu mengoptimumkan penggunaan masa serta mendatangkan manfaat yang besar kepada kita. Kita juga perlu membuat perancangan dan pengurusan masa yang sangat sistematis supaya dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.

Dengan kemajuan teknologi terkini, tanpa disedari kita banyak membuang masa dengan penggunaan media sosial seperti TikTok, Instagram, Facebook, YouTube, WhatsApp dan sebagainya. Jika perkara berkenaan tidak dikawal dengan cara bijak, sudah setentunya masa kita banyak dibazirkan dengan melayani platform-platform berkenaan.

Ini menyebabkan kita mudah hilang fokus dalam melakukan apa-apa juga aktiviti dan juga banyak pekerjaan lain tergantung. Dalam hal berkenaan, adalah amat penting bagi kita sentiasa mengawal penggunaan media sosial dengan bijak serta mencipta budaya produktif dan terfokus.

Oleh itu, kita disarankan untuk sentiasa amalkan menguruskan masa dengan bijak kerana ia adalah salah satu kunci utama untuk mencapai kejayaan dan kesejahteraan dalam hidup.

Pelbagai cara boleh kita lakukan antaranya ialah dengan menyenaraikan semua kerja yang perlu kita laksanakan dan memberi keutamaan kepada tugas-tugas paling penting.

Selain itu, elakkan daripada berlengah atau bertangguh daripada menyelesaikan perkara yang perlu dan peruntukkan masa serta komitmen dengan baik agar ia sentiasa seimbang dan tidak mendatangkan kerugian kepada diri kita.

Dengan memanfaatkan masa yang terluang akan serba sedikit membuka peluang kita untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan kreativiti.

Mulakan perubahan secara perlahan dan konsisten, serta mendisiplinkan diri untuk menjalani kehidupan mengikut pembahagian masa yang ditetapkan oleh diri sendiri, kerana kehidupan setiap orang sangat berbeza dan orang yang bijak mengatur masa merupakan orang yang sangat beruntung. – Ketua Penyuntingan (Sb)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doaa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابن قراغن، جابن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

JASA KHIDMAT, PENGORBANAN 121 PESARA JPM DIHARGAI



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa menyempurnakan penyampaian sijil persaraan kepada penerima pada Majlis Penyampaian Sijil Persaraan JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II & Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyertai sesi bergambar ramai.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Setiausaha Tetap (Urustadibir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin menyampaikan demikian dalam ucapan penghargaan pada Majlis Penyampaian Sijil Persaraan JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM, hari ini.

Menurut Awang Ajman yang juga selaku pengurus majlis, adalah menjadi penghormatan mewakili JPM untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pesara atas curahan khidmat bakti dan sumbangan selama berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. "Peramba / saya percaya komitmen, kerja keras, serta semangat *abiskita* dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan telah memberikan kesan positif kepada organisasi, rakan-rakan sekerja, dan yang lebih penting lagi kepada orang ramai yang mendapatkan perkhidmatan yang sentiasa menjadi ristaan semasa berkhidmat dengan kerajaan.

"Kejujuran dan ketekunan *abiskita* dalam menjalankan tugas-tugas harian adalah sesuatu yang sangat dihargai dan saya percaya telah menjadi teladan yang baik kepada rakan-rakan sekerja khasnya dan kepada penjawat awam secara amnya," katanya lagi.

Sebelum mengakhiri ucapan, Awang Ajman sekali lagi merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada para pesara atas perkhidmatan, kepimpinan, dan dedikasi kepada Perkhidmatan Justeru, majlis pada pagi itu jelasnya, adalah sebagai satu tanda pengiktirafan dan ingatan baik dalam menzahirkan

penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan para pesara kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Awam. Pengorbanan masa dan usaha mereka selama ini, tambahnya, telah menjadi inspirasi bagi kita semua.

"Kita sama-sama berdoa semoga masa persaraan akan mendatangkan kebahagiaan, kesihatan yang baik, dan kejayaan dalam apa jua bidang yang *abiskita* lakukan.

"Segala jasa, budi baik, sumbangan, serta pengorbanan yang telah dicurahkan akan dikenang hingga ke akhir hayat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan ganjaran pahala yang setimpal dengannya," ucapnya lagi.

Majlis Penyampaian Sijil Persaraan JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya itu adalah bagi menghargai seramai 121 orang pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah bersara bagi tahun 2023.

Penyampaian sijil persaraan berkenaan disempurnakan oleh

YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada penerima pada majlis berkenaan.



Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Izuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran, dan diikuti dengan Selawat Tafrijiyah beramai-ramai.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah menabur bakti dengan memberikan masa, tenaga dan perkhidmatan selama menjalankan tugas dalam Perkhidmatan Awam, khususnya di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



سورو هنجای فر خدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profesi pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / cirik ciri mulia dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



BRUHEALTH 5.0 : TINGKATKAN PENJAGAAN PERIBADI, OPTIMUMKAN PENGGUNAAN SUMBER



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Dengan integrasi Kecerdasan Buatan (AI) jelas Yang Berhormat, BruHealth akan meningkatkan penjagaan peribadi, mengoptimalkan penggunaan sumber, dan menyokong pembuatan keputusan yang lebih baik.

Yang Berhormat dalam ucapannya turut mengongsikan antara yang terbaharu pada aplikasi BruHealth 5.0 iaitu pertama, ialah tambahan terbaharu kepada Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (PPKK) iaitu Saringan Kanser Pangkal Rahim.

Menurut Yang Berhormat, Saringan Kanser Pangkal Rahim ini merupakan salah satu daripada empat PPPK yang kini boleh diakses melalui BruHealth dan tiga program lain yang sudah tersedia ialah Saringan Kanser Payudara, Kanser Kolorektal, dan Penyakit Kardiovaskular.

"Proses saringan kini boleh

dilakukan secara mudah dan tepat pada masanya melalui tempahan temu janji melalui aplikasi BruHealth. Pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin menyarankan semua wanita yang layak untuk menjalani saringan ini bagi mengesan virus HPV dan merawatnya sebelum ia berkembang menjadi kanser," tegas Yang Berhormat lagi.

Kedua tambah Yang Berhormat, Indeks Kesihatan di mana ciri ini adalah sekarang lebih peribadi (*personalised*) dengan soal selidik yang lebih pendek dan pintar, dengan mengambil kira pemakanan, tekanan stres, kesihatan fizikal dan kualiti tidur serta faktor utama dalam kesihatan keseluruhan.

Yang Berhormat berkata bahawa Skor Indeks Kesihatan setiap individu bukan hanya sekadar angka, ia adalah pintu masuk kepada nasihat dan matlamat kesihatan yang dapat diakses dan sesuai dengan gaya hidup masing-masing.

Seterusnya jelas Yang

Berhormat Menteri Kesihatan, ciri rutin di mana selain senaman, orang ramai kini boleh mencatat pengambilan makanan, tempoh tidur, tahap pengambilan air yang mencukupi, dan juga jadual ubat dalam satu tempat; dan untuk memberikan elemen keseronokan dan motivasi, BruHealth kini memperkenalkan 'Cabaran Oyen!', dengan tujuan agar menjadikan pengurusan kesihatan lebih menarik dan menyeronokkan bagi semua.

Cabaran BN On the Move pada tahun ini kata Yang Berhormat lagi, insyaAllah akan lebih besar dan lebih menarik dan Kementerian Kesihatan mengalu-alukan penyertaan seluruh negara agar kita semua kekal aktif dan terus menjalani langkah masing-masing.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, hampir lima tahun yang lalu, BruHealth menjadi sebahagian daripada kehidupan kita di mana sewaktu pandemik COVID-19, BruHealth berfungsi sebagai salah satu penyelesaian utama untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

"Kita telah berhadapan dengan satu krisis yang amat luar biasa dan memerlukan jalan penyelesaian yang pantas, berkesan, dan inovatif. Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, dan dengan sokongan berterusan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, aplikasi BruHealth telah diperkenalkan untuk membantu melindungi keselamatan dan kesejahteraan penduduk Negara Brunei Darussalam pada ketika itu," ujar Yang Berhormat.

Perjalanan Transformasi Kesihatan Digital negara kita telah dipercepatkan tambah Yang Berhormat, dengan 95 peratus penduduk menggunakan BruHealth, ia menjadi perisai negara kita, menggunakan data terkini untuk mengurus sejarah perjalanan, gejala, keputusan ART dan PCR, serta rekod vaksinasi.

Selain itu jelas Yang Berhormat lagi, BruHealth terus berkembang dengan ciri-ciri seperti tempahan slot untuk bersembahyang Jumaat di masjid - masjid, penjadualan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada Majlis Pelancaran Aplikasi BruHealth Versi 5.0 dan seterusnya Yang Berhormat menyertai sesi bergambar ramai.

vaksinasi, dan melaporkan Keputusan ART termasuk tempahan vaksin mempermudahkan pelaksanaan vaksinasi, membantu kita mencapai kadar vaksinasi dos pertama yang tinggi iaitu 94 peratus, menjelang Mac 2022.

Sementara itu pula tambahnya, lebih lima juta keputusan ART telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth, membantu memberikan maklumat kritis terhadap penilaian kemungkinan penularan wabak tersebut.

Yang Berhormat menjelaskan, BruHealth telah menyatukan kita semasa waktu yang mencabar dan memperkasakan setiap lapisan masyarakat untuk memainkan peranan penting dalam melindungi negara.

"Apabila kita melangkah ke fasa Endemik, BruHealth juga turut berubah, memberi tumpuan kepada membina masa depan yang lebih sihat dan terhubung.

Evolusi ini menekankan kesejahteraan, bukan sekadar rawatan penyakit, sambil mendigitalkan perkhidmatan kesihatan seperti tempahan klinik dalam talian, konsultasi video, dan pengurusan giliran.

"Inisiatif seperti BN on the Move National Challenge telah menggalakkan gaya hidup sihat, dengan rakyat mencapai 80 bilion langkah secara kolektif," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyaksikan pameran bertempat di Dewan Delima, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kiri).

BruHealth versi 5.0 dilancarkan



BERAKAS, Khamis, 16 Januari. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Pelancaran Aplikasi BruHealth Versi 5.0 bertempat di Central Concourse, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan aplikasi berkenaan ialah Menteri

Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat oleh Guru Ugama Terlatih, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Khairunnisa bin Haji Zainin.

Majlis diteruskan dengan

ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan diikuti dengan pelancaran dan tayangan video aplikasi BruHealth versi 5.0. Pada majlis itu, Yang Berhormat juga menyaksikan pameran bertempat di Dewan Delima, pusat berkenaan.

Sebanyak sembilan petak pameran disediakan yang mempamerkan ciri-ciri utama dan kemajuan dalam penjagaan kesihatan, termasuk Kaunter Selamat Datang dan Penebusan; Pusat Sokongan BruHealth; Permainan Interaktif; Teknologi Terkini; Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan; DMDTX (Program Keseimbangan); Saringan HPV; Penilaian Risiko dan Sejarah BruHealth, Rutin, dan Cabaran Oyen.

Sementara itu, para pengunjung juga disediakan dengan aktiviti interaktif seperti Cabutan Bertuah serta Permainan Putar Roda yang berpeluang memenangi hadiah menarik serta barang eksklusif BruHealth.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Mohammad Nazri Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff, ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

RAWATAN AWAL CEGAH KANSER SERVIKS, TINGKATKAN SURVIVAL



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan ucapannya.

BERAKAS, Rabu, 15 Januari. - Kanser serviks adalah kanser keempat paling lazim berlaku dalam kalangan wanita di seluruh dunia. Di Negara Brunei Darussalam (NBD) pula, bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2023, seramai 127 orang wanita telah disahkan menghidapi kanser serviks iaitu di antara 23 hingga 32 orang setahun dan dengan jumlah kematian sebanyak 51 orang dalam tempoh yang sama.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa menyampaikan ucapannya pada Majlis Pelancaran Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025 bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, hari ini.

"Secara amnya, lebih daripada

99 peratus kes kanser serviks adalah dikaitkan dengan jangkitan Human Papillomavirus atau HPV, iaitu sejenis virus yang biasanya berjangkit melalui hubungan kelamin. Kebanyakan jangkitan HPV ini akan sembuh secara spontan dan tidak menyebabkan sebarang gejala. Namun, jangkitan *high-risk* HPV atau HPV berisiko tinggi yang berterusan boleh mengakibatkan kanser serviks.

"Jangkitan Human Papillomavirus atau HPV ini boleh dikesan pada tahap yang awal dengan mudah melalui ujian saringan khusus, iaitu ujian HPV yang boleh dilakukan oleh profesional kesihatan, ataupun para wanita sendiri, iaitu secara *self-sampling*. Wanita yang dikesan mempunyai jangkitan HPV selalunya akan dinasihatkan untuk hadir bagi pemeriksaan dan penilaian lanjut oleh doktor.

"Jangkitan HPV juga boleh dicegah dari awal dengan pemberian vaksinasi terhadap HPV. Di NBD, Program Vaksinasi HPV Kebangsaan telah dijalankan sejak awal tahun 2012 dalam kalangan pelajar perempuan yang berumur di antara 13 hingga 17 tahun dengan mencatatkan liputan vaksinasi yang tinggi, iaitu melebihi 90 peratus untuk dua dos vaksin setiap tahun dari tahun 2019 hingga 2023," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat seterusnya menambah, program-program vaksinasi dan saringan, serta rawatan awal bagi sebarang perubahan pra-kanser adalah strategi-strategi yang berkesan

bukan sahaja dapat mencegah kanser serviks dan meningkatkan *survival* bahkan sangat menjimatkan kos rawatan kepada pihak kerajaan.

Langkah-langkah tersebut juga adalah ujar Yang Berhormat, selaras dengan inisiatif Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu untuk menghapuskan kanser serviks menjelang tahun 2030.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga telah memperkenalkan saringan bagi kanser serviks dengan menggunakan ujian genomik HPV, di mana dalam pengurusan risiko kanser, ujian genomik dapat mengesan mutasi dalam gene yang dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser.

Wanita yang dikesan mempunyai mutasi ini terang Yang Berhormat, akan dipantau dengan lebih intensif sama ada mereka ini memerlukan ujian lebih lanjut, rawatan atau pembedahan sebagai langkah pencegahan yang lebih awal bagi mengurangkan risiko komplikasi yang serius.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyatakan, ujian genomik HPV juga boleh membantu dalam merancang rawatan kanser yang lebih tepat berdasarkan profil genetik tumor, memaksimumkan keberkesaan rawatan dan mengurangkan kesan sampingan.

Oleh yang demikian, terang Yang Berhormat, bersempena dengan Bulan Kesedaran Kanser Serviks pada tahun ini, dan selaras dengan usaha-usaha meningkatkan serta

memperkuatkannya lagi langkah-langkah pencegahan dan kawalan kanser serviks di negara ini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa tindakan yang tertumpu termasuk pengemaskinian Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025 yang akan dilancarkan pada hari ini.

Garis Panduan itu kata Yang Berhormat, diharap akan dijadikan sebagai satu sumber komprehensif yang mengandungi amalan dan saranan berasaskan bukti terkini bagi mencegah dan merawat kanser serviks untuk digunakan oleh para profesional penjagaan kesihatan dan pengubal dasar.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan, dengan adanya garis panduan ini nanti, setiap jabatan atau pihak yang berkepentingan akan dapat memainkan peranan masing-masing dalam memastikan segala tindakan yang diambil adalah menurut piawaian serta prosedur kerja yang disarankan, bagi melindungi, merawat dan memberi perkhidmatan terbaik kepada setiap pesakit.

Selain daripada garis panduan tersebut dan sebagai langkah untuk memudahkan golongan wanita untuk memperolehi ujian HPV, Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa mulai hari ini, orang ramai akan dapat membuat pendaftaran untuk ujian saringan HPV melalui ciri Penilaian Risiko (Risk Assessment) di aplikasi BruHealth.

Tambah Yang Berhormat, dengan adanya akses yang mudah ini, para wanita yang layak untuk menjalani ujian saringan tersebut akan dapat menempah tarikh,

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

waktu dan klinik yang diingini untuk menjalani ujian HPV.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi, memandangkan ujian HPV juga adalah salah satu daripada Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan, pihak Kementerian Kesihatan juga akan terus memperkuatkannya lagi langkah-langkah untuk membarigakan program berkenaan termasuk juga ujian saringan yang lain seperti saringan bagi kanser payudara, kanser kolorektal dan faktor risiko penyakit kardiovaskular, melalui jerayawara - jerayawara ke tempat-tempat kerja dan tempat tumpuan masyarakat setempat.

Oleh itu, Yang Berhormat turut mengalu-alukan dan menyarankan bagi mereka yang layak menurut kriteria-kriteria yang tertentu, untuk memanfaatkan peluang serta kemudahan - kemudahan yang tersedia ini, untuk menyertai Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan berkenaan.

Ini adalah kerana, pengesahan awal penyakit-penyakit tersebut akan dapat ditangani dengan tindakan dan rawatan bersesuaian di peringkat awal dan seterusnya mencegah komplikasi dan penyakit berkenaan daripada mlarat.

Dengan kerjasama, tambah Yang Berhormat lagi, kepercayaan dan komitmen semua pihak, setentunya akan dapat sama-sama memenuhi hasrat pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu untuk menghapuskan kanser serviks menjelang tahun 2030.

Kemas kini garis panduan, cegah, kawalan kanser serviks



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan Buku Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025 (atas). Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis pelancaran tersebut.

BERAKAS, Rabu, 15 Januari. - Sejak tahun 2009, para profesional kesihatan di Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan Garis Panduan Nasional untuk Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks 2009 dalam usaha penyaringan, kawalan dan rawatan kanser serviks. Garis panduan tersebut telah membawa kepada peningkatan yang ketara dalam kualiti penyaringan kanser serviks serta pengurusan penyakit ini.

Walau bagaimanapun, berikutnya dengan amalan-amalan terbaik yang berdasarkan kajian-kajian dan dapatkan klinikal yang terkin, serta selari dengan kemajuan teknologi dalam penyaringan

kanser serviks adalah sangat penting bagi garis panduan dikemas kini bagi menjamin keberkesaan dan relevansinya yang berterusan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah binti Pengiran Haji Ismail selaku Pengurus Majlis Bersama pada Majlis Pelancaran Buku Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025 bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, hari ini.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Kesihatan

tambahnya, telah mengambil inisiatif mengemas kini Garis Panduan Nasional untuk Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks 2009 dengan melibatkan beberapa disiplin perubatan dan kesihatan untuk memastikan penyediaan garis panduan yang komprehensif.

Menurutnya lagi, profesional kesihatan terlibat yang dimaksudkan adalah seperti dalam pelaksanaan perkongsian maklumat kesihatan dari Pusat Promosi Kesihatan, perkhidmatan pencegahan di peringkat program kesihatan awam dan pemberian vaksinasi HPV, peringkat penyaringan dan pengesahan di peringkat komuniti melalui pusat - pusat dan klinik-klinik kesihatan, pemeriksaan sampel-sampel oleh pihak makmal dan seterusnya rawatan-rawatan berkaitan oleh pakar-pakar di hospital.

Komitmen yang sangat tinggi yang telah diberikan oleh mereka yang terlibat dalam penghasilan garis panduan ini, termasuklah juga dari pihak bukan klinikal, khususnya dalam urusan berkaitan dengan pencetakan juga adalah sangat-sangat dihargai.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, dan Datin Dr. Dayang Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Guru Ugama, Hospital Raja Isteri

Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Mohd. Emmarul bin Haji Azamain. Majlis kemudian diteruskan dengan pelancaran dan tayangan klip video mengenai Buku Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat majlis telah menyampaikan Buku Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan 2025, dan seterusnya menyaksikan tayangan video klip mengenai tatacara ujian HPV dan ciri ujian HPV melalui aplikasi BruHealth.

Bersempena dengan Majlis Pelancaran Garis panduan Pencegahan dan Kawalan Kanser Serviks Kebangsaan, Kementerian Kesihatan akan mengadakan pameran mengenai Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan, termasuk mengenai kanser serviks serta menyediakan

perkhidmatan saringan ujian HPV di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas mulai 16 Januari 2025 hingga 19 Januari 2025.

Orang ramai terutama wanita yang layak, dialu-alukan untuk hadir dan mengambil peluang ini bagi mengetahui status kesihatan mereka serta mendapatkan nasihat-nasihat kesihatan yang bermanfaat.

Turut hadir di majlis ini ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



PESTA PENGGUNA KE-30 BUKA TIRAI

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



BERAKAS, Rabu, 15 Januari. - Pesta Pengguna Ke-30 (Consumer Fair 30 - CF30) adalah salah satu acara penting dalam perjalanan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke arah kepelbagaian ekonomi.

Majlis pelancaran pesta tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah yang juga hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini.

CF30 menghimpunkan orang kenamaan, pemimpin industri, pemamer dan orang ramai untuk mengunjungi acara lima hari yang telah bermula pada hari ini, dan dijenamakan semula untuk memberi tumpuan kepada perdagangan, kerjasama

perniagaan, dan memupuk ekonomi pertumbuhan.

Selain itu, CF30 juga dengan bangganya menampilkan penyertaan dari negara-negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia, Republik Singapura, Thailand, Republik Indonesia, India, Bangladesh dan Republik Filipina.

Di samping itu, CF30 turut mempamerkan dua sorotan utama iaitu Ekspo Wonderful Indonesia dan Ekspo Mega India, menawarkan para hadirin cerapan unik tentang budaya, produk dan peluang perdagangan yang kaya dari negara-negara ini.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Komunikasi Korporat di D'Sunlit Sdn. Bhd., Chuisan Ting, menekankan kepentingan transformasi Pesta Pengguna menjadi platform untuk penglibatan perniagaan dan peluang untuk kerjasama serantau dan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis pelancaran Pesta Pengguna Ke-30 (Consumer Fair 30 - CF30) (atas dan atas kiri).

antarabangsa serta berkongsi sejarah bermakna Pesta Pengguna. CF30, melambangkan komitmen negara untuk memupuk landskap ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Majlis itu berakhiran dengan pelancaran Consumer Fair Conference 2025 (CONFAC 2025) yang julung kali diadakan di Dewan Sidang Media di ICC, di mana pakar industri dan pihak berkepentingan bersidang untuk membincangkan topik penting mengenai perdagangan dan inovasi.

CF30 menampilkan pelbagai pameran, acara mencari rakan kongsi perniagaan dan CONFAC 2025 yang julung kali diadakan.

Pameran itu merupakan hab untuk perdagangan dan kerjasama, yang bertujuan untuk menggalakkan kepelbagaian ekonomi dan mengukuhkan perkongsian serantau.

Atas semangat tanggungjawab alam sekitar dan menyokong inisiatif mengenai tidak menggunakan beg plastik, orang ramai digalakkan untuk membawa beg boleh guna semula untuk

semua keperluan membeli-belah mereka sepanjang acara CF30.

Beg kitar semula edisi CF juga akan dijual semasa acara tersebut. Dengan rangkaian peserta pameran yang pelbagai dan kehadiran antarabangsa, acara itu bersedia untuk menjadi hab inovasi dan penglibatan pengguna.

Salah satu acara kemuncak acara itu ialah Hadiah Cabutan Bertuah Besar yang dinanti-nantikan iaitu sebuah kereta, Toyota Vios serba baharu ditaja oleh Toyota Brunei - NBT (Brunei) Sdn. Bhd.

CONFAC : Memupuk perkongsian dalam memacu kerjasama serantau



Siaran Akhbar dan Foto : CONFAC 2025

PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Daniel Leong semasa berucap (kiri). Manakala gambar kanan, Pengarah Perubatan Pusat Perubatan Borneo, Dr. Kenny Yeap ketika menyampaikan pembentangannya.

menyeluruh tentang peluang perniagaan dan pelaburan di NBD dengan menekankan usaha diversification negara dan peranan PMKS dalam memacu pertumbuhan.

Antara pengisian pada persidangan termasuk pembentangan oleh CEO of Invest Sabah, Dr. Firdausi Suffian; pembentangan mengenai Perniagaan di Filipina oleh Penasihat Perdagangan, Pusat Perdagangan & Pelaburan Filipina - Kuala Lumpur, Norjamin Gallardo-Delos Reyes, dan pembentangan maya menyeluruh oleh Timbalan bagi Pembentangan dan Pelaburan daripada Pihak Berkuastra Ibu Kota Nusantara mengenai potensi transformasi Nusantara sebagai ibu kota masa depan Indonesia, Dr. Agung Wicaksono.

Peserta persidangan juga turut mendengarkan mengenai Industri Penjagaan Kesihatan dan Perniagaan di Miri, Sarawak oleh Pengarah Perubatan Pusat Perubatan Borneo, Dr. Kenny Yeap, yang berkongsi pandangan mengenai bagaimana perkongsian awam-swasta memacu penjagaan kesihatan berkualiti tinggi yang mampu milik di Sarawak.

Selain pembentangan mengenai perkembangan rantau, CONFAC



2025 turut menawarkan pembentangan praktikal mengenai Kecerdasan Buatan (AI) dan Masa Depan Pemasaran oleh pemenang winning author, Dr. Joseph Jerome, seorang pakar yang diiktiraf di peringkat global dalam strategi jenama.

Para peserta juga akan mengambil bahagian dalam bengkel mengenai 'AI-Driven Marketing Masterclass', membolehkan peserta mempelajari peralatan-peralatan terkini untuk strategi perniagaan mereka.

Selain itu, bengkel mengenai 'Digital Solutions to Aid the Business' oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) juga turut diadakan.

Persidangan berkenaan berfungsi sebagai platform rangkaian yang kuat, membolehkan peserta menjalin hubungan bermakna dengan rakan sejawat, pemimpin industri, dan pembuat dasar.

Interaksi berkenaan sangat penting dalam memupuk perkongsian yang akan terus memacu kerjasama serantau.

BIBD KOMITED MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PERBANKAN ISLAM CEMERLANG

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini menganjurkan forum sulung yang membincangkan dan meneroka mengenai bagaimana Negara Brunei Darussalam (NBD) dapat mengintegrasikan kelestarian dalam strategi dan operasi perniagaan.

BIBD, sebagai entiti komersial pertama NBD yang menyertai United Nations Global Compact (UNGC), mengadakan forum berkenaan dengan kerjasama UNGC Network Malaysia & NBD (UNGCMYB).

Acara yang berlangsung di Mawaddah Hall, Setia Point berkenaan mengumpulkan para pembuat dasar, pemimpin perniagaan, dan pihak berkepentingan lain untuk membincangkan amalan terbaik global dan memudahkan dialog tentang pengembangan strategi yang disesuaikan dengan keperluan dan cabaran khusus industri NBD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, yang juga selaku Pengerusi BIBD.

Terlebih dahulu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai

Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri dalam ucapan alu-aluananya menyatakan, sebagai entiti komersial pertama NBD yang menjadi anggota UNGC, BIBD mengakui tanggungjawab besar yang datang dengan pengiktirafan ini.

Forum berkenaan katanya, menandakan komitmen BIBD untuk tidak hanya terus memberikan perkhidmatan perbankan Islam yang cemerlang, tetapi juga untuk menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial NBD.

Beliau percaya bahawa kelestarian bukan lagi sekadar aspirasi, tetapi merupakan keperluan penting untuk kejayaan jangka panjang negara dan perniagaannya.

"Dengan mengumpulkan pihak berkepentingan, termasuk pembuat dasar dan pemimpin perniagaan, tujuan kami adalah untuk memupuk pemahaman bersama tentang amalan terbaik global dan membangunkan strategi yang sesuai dengan konteks unik NBD."

"Forum ini akan berfungsi sebagai pemangkin untuk perbincangan yang memberi impak, membolehkan kami secara kolektif menangani cabaran dan

merebut peluang yang ada dalam perjalanan kelestarian kami serta menjemput semua pihak yang bermintat untuk bersama-sama kami membentuk masa depan yang lebih lestari untuk NBD."

BIBD percaya bahawa forum yang diadakan berkenaan berfungsi sebagai platform yang berharga untuk memupuk kerjasama, bertukar idea, dan membangunkan strategi yang boleh dilaksanakan bagi menyumbang kepada matlamat Wawasan Brunei 2035.

BIBD menyertai UNGC pada Oktober 2024, menunjukkan komitmennya kepada amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan menyumbang kepada dunia yang lebih mampan.

Dengan menyertai UNGC, BIBD menyelaraskan bank berkenaan dengan lebih daripada 20,000 syarikat di seluruh dunia yang telah berjanji untuk mengintegrasikan Ten Universal Principles berkaitan hak asasi manusia, buruh, alam sekitar, dan anti-rasuah ke dalam strategi perniagaan mereka, menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) PBB.

Keahlian berkenaan selanjutnya mengukuhkan usaha kelestarian BIBD yang sedia ada, yang digariskan dalam Rangka Kerja dan Peta Jalan Kelestarian 2021, yang bertujuan untuk memupuk pertumbuhan ekonomi di NBD sambil mengutamakan tanggungjawab alam sekitar dan sosial.

Agenda kelestarian BIBD terpancar dalam komitmennya terhadap Maqasid Syariah, iaitu sekumpulan prinsip Islam yang mengutamakan pemeliharaan agama, kehidupan, akal, keturunan, dan harta.

Komitmen berkenaan juga terpancar melalui sokongan bank terhadap SDGs PBB dan keselarasannya dengan Wawasan Brunei 2035.

BIBD telah berjanji untuk



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada forum berkenaan (atas), manakala gambar bawah, ahli-ahli panel semasa menyampaikan pembentangannya.

melabur BND2 bilion menjelang 2030 dalam projek-projek berkaitan kelestarian, menunjukkan dedikasinya untuk menangani cabaran alam sekitar dan sosial di peringkat tempatan dan global.

BIBD secara aktif bekerjasama dengan Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCC) melalui Brunei Climate Change Office (BCCO) untuk memajukan inisiatif ketahanan iklim dan menyumbang kepada peralihan negara ke arah ekonomi rendah karbon.

Bank berkenaan juga menggalakkan perniagaan tempatan untuk mengamalkan amalan yang lebih mesra alam, membina landskap kewangan yang lebih inklusif dan tahan lasak untuk NBD.

Melalui inisiatif kelestariannya, BIBD bertujuan untuk memberi manfaat secara langsung kepada pelanggan dan komuniti sambil mengangkat standard etika dan alam sekitar yang tertinggi.

Forum CEO menampilkan perbincangan ahli panel antara Ketua Sekretariat Perubahan Iklim Brunei, Awang Ahmad Zaiemaddien bin Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi; Pengarah Eksekutif UNGCMYB, Faroze

Nadar dan Pengarah Urusan KDEB Waste Management Sdn. Bhd., Yang Berbahagia Dato Haji Ramli bin Mohd. Tahir sebagai panel untuk perbincangan santai yang meneroka perjalanan kelestarian masing-masing.

Sesi berfungsi sebagai forum terbuka, melibatkan tetamu dalam perbincangan tentang keadaan semasa dan merancang hala tuju masa depan yang diingini, semuanya melalui lensa kelestarian.

BIBD akan melaporkan pencapaian kelestariannya setiap tahun melalui Komunikasi dalam Kemajuan (Communication on Progress - COP) dalam memastikan ketulusan dan tanggungjawab sebagai ahli UNGC. Dengan menerima prinsip UNGC dan secara aktif mengambil bahagian dalam inisiatif kelestarian, BIBD meletakkan dirinya sebagai pemimpin dalam mendorong perubahan positif dan mencipta masa depan yang lebih lestari untuk NBD dan seterusnya.

Turut hadir, Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD, Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah BIBD, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan tetamu jemputan daripada syarikat korporat tempatan dan pihak berkepentingan kerajaan.



2 pemenang bertuah bawa pulang BND200,000



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Jumaat, 17 Januari. - Dua pemenang bertuah Kempen Ganjaran BIBD Aspirasi 6, iaitu Yeo See Tshoen dan Yapp Hui Menn, masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND200,000 setiap seorang pada majlis penyampaian hadiah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini. Sementara itu, empat pemenang

suku tahunan juga membawa pulang BND10,000 setiap seorang, manakala 24 pemenang bulanan masing - masing menerima ganjaran sebanyak BND1,000.

Majlis penyampaian hadiah yang diadakan semasa berlangsungnya Pesta Pengguna Ke - 30 itu disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang

Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah BIBD dan Badan Penasihat Syariah BIBD serta Ahli-ahli Pengurusan Kanan BIBD.

Pemenang dipilih daripada kalangan pelanggan yang menyertai Kempen BIBD Aspirasi dan mengekalkan tempoh pegangan minima selama 90 hari.

Untuk menyertai cabutan ganjaran, pelanggan hanya perlu

mengekalkan deposit minima sebanyak BND50 sepanjang tempoh pegangan 90 hari. Program BIBD Aspirasi, yang kini di pusingan ke-6, telah memberi ganjaran kepada lebih 2,190 pemenang dengan jumlah hadiah melebihi BND5.07 juta sejak ia dilancarkan.

Sepanjang kempen ganjaran BIBD Aspirasi 6, sejumlah BND848,000 telah dimenangi oleh 306 pemenang bulanan, 16 pemenang suku tahunan dan dua pemenang utama.

BIBD Aspirasi 6 mencerminkan dedikasi bank yang tidak berbelah bahagi terhadap inklusiviti kewangan dan literasi.

Kempen ganjaran ini direka untuk memberi insentif dan menggalakkan tabiat simpanan yang positif, menawarkan pelbagai

hadih sepanjang tahun.

Program Ganjaran BIBD Aspirasi terus memberdayakan dan memberi ganjaran kepada para penyimpan di negara ini.

Ia boleh diakses melalui BIBD NEXGEN dengan penyertaan minima hanya BND50, program ini menawarkan inklusiviti dan peluang tanpa had untuk semua.

Inisiatif ini menekankan dedikasi BIBD untuk mencipta pengalaman perbankan yang benar-benar memberi ganjaran.

Dilancarkan pada tahun 2018, BIBD Aspirasi selaras dengan misi Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) untuk memupuk literasi kewangan dan budaya simpanan yang kukuh dalam kalangan rakyat Brunei.

BIBD Aspirasi mencerminkan komitmen bank untuk menjadi rakan jangka panjang, berusaha untuk membina asas kewangan yang kukuh dan memberdayakan orang ramai dengan pengetahuan kewangan melalui amalan simpanan yang diberi insentif.

Inisiatif ini menggambarkan dedikasi BIBD kepada kelestarian dan prinsip - prinsip Maqasid Syariah.

Sesi rangkaian teroka peluang kerjasama agensi pelancongan



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

>> Muka 1

Pertumbuhan yang luar biasa ini menggariskan potensi hubungan yang lebih kukuh antara kedua-dua negara, disokong oleh kerjasama strategik seperti sesi rangkaian ini. Dengan inisiatif seperti ini, NBD optimis untuk meningkatkan lagi daya tarikannya kepada pelancong Indonesia.

Delegasi NBD diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin bersama Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab dan pegawai-pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Turut hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir dan Presiden ASITA, Dr. Nunung Rusmiati.

Acara dimulakan dengan persembahan kebudayaan yang memperkenalkan kekayaan warisan Brunei, diikuti dengan ucapan perasmian daripada Setiausaha Tetap KSSUP dan pembentangan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Dengan tema 'Brunei Yuk! Destinasi Halal Favoritmu,' sesi itu memperkenalkan Brunei sebagai destinasi pelancongan unik di Asia, menekankan warisan Islam dan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku ketua delegasi Negara Brunei Darussalam pada sesi rangkaian tersebut (atas kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat mengadakan perjumpaan dengan Menteri Pelancongan Republik Indonesia yang baru dilantik, Puan Yang Terutama Widiyanti Putri Wardhana.

budaya semula jadinya.

Tema yang diterjemahkan kepada 'Let's Go to Brunei! Discover Your Favorite Halal Destinations,' ini menyerlahkan tarikan Brunei sebagai pilihan utama untuk pelancongan halal, menawarkan gabungan kekayaan budaya, ketenangan rohani dan alam semula jadi yang menakjubkan. Pengembaran penuh alam semula jadi dan pengalaman warisan Islam diketengahkan terutamanya sebagai tarikan utama untuk pelancong Indonesia.

Kemuncak acara ialah pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bertajuk 'Strategic Collaboration for Promoting Inbound Travel Between

Brunei Darussalam and Indonesia' antara Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP dan ASITA. Kerjasama strategik ini bertujuan untuk mempromosikan perjalanan masuk antara NBD dan Indonesia, memupuk kerjasama yang lebih besar dalam promosi bersama, inisiatif pembangunan pelancongan, dan mewujudkan peluang bersama untuk meningkatkan sektor pelancongan kedua-dua negara.

Delegasi NBD termasuk wakil daripada 11 agensi pelancongan, pengendali hotel dan syarikat penerbangan kebangsaan. Semasa Sesi Business-to-Business (B2B), wakil-wakil ini terlibat dengan lebih 40 Ejen Pelancongan Indonesia untuk

membincangkan potensi perkongsian dan usaha sama.

Sesi itu menyediakan platform penting bagi pihak berkepentingan pelancongan Brunei untuk membentangkan tawaran unik mereka dan membina hubungan dengan rakan sejawat mereka di Indonesia.

Pada sebelah petang, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan perjumpaan dengan Menteri Pelancongan Republik Indonesia yang baru dilantik, Puan Yang Terutama Widiyanti Putri Wardhana.

Perjumpaan ini menandakan satu langkah penting dalam mewujudkan hubungan dan meneroka kawasan yang berpotensi untuk kerjasama pelancongan dua hala antara kedua-dua negara.

Sesi rangkaian ini adalah sebahagian daripada inisiatif NBD yang lebih luas untuk menarik lebih ramai pelancong Indonesia ke NBD. Awal tahun ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan menjalankan beberapa lawatan suai kenal untuk Ejen Pelancongan Indonesia yang pakar dalam perjalanan Muslim, termasuk pihak media dan pempengaruh media sosial dari Indonesia untuk memperkenalkan tarikan unik Brunei.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, sila layari [@info.bruneitourism](#) di laman media sosial Instagram.

GHANIM LANCAR PRODUK ABANG J SATAY



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Khamis, 16 Januari. - Ghanim International Corporation (Ghanim) mengumumkan kerjasamanya dengan Jetsin Sdn. Bhd. (Jetsin) yang berpangkalan di Sabah, Malaysia semasa Pesta Pengguna Ke-30.

Pada tahun 2024 lalu, Ghanim memeterai Perjanjian Perkhidmatan Pembuatan dengan Jetsin, salah sebuah pengedar Makanan Sejuk Beku Halal terkemuka di Sabah, yang juga pengeluar makanan halal.

Melalui kerjasama ini, Ghanim akan mengeluarkan Sate Sejuk

Beku (frozen) Abang J Sedia Dimasak (ready-to-cook) dengan resipi asli dari Sabah, yang dibuat di kilang pembuatannya sendiri. Abang J Satay yang dibuat eksklusif untuk pasaran tempatan akan dikeluarkan sepenuhnya oleh Ghanim.

Sehubungan itu, pelancaran produk Abang J Satay ini disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji

YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa menyempurnakan pelancaran Produk Abang J Satay yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Mulia menyaksikan pameran produk pada majlis berkenaan.

Abdul Hamid, pada majlis yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas semasa berlangsungnya Pesta Pengguna Ke-30.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan; ahli-ahli Lembaga Pengarah Ghanim dan Royal Brunei Culinary (RBC); pegawai-pegawai kanan, dan wakil-wakil dari beberapa cawangan pasar raya.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Pegawai Eksekutif Interim Ghanim, Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Daniel, melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan produk tersebut.

"Abang J Satay by Jetsin untuk pasaran Brunei dengan bangganya dikeluarkan oleh Ghanim untuk Jetsin, memartabatkan industri pembuatan makanan di Brunei



kerana ini adalah kali pertama Ghanim menghasilkan untuk jenama antarabangsa," ujarnya.

Pelancaran Abang J Satay ini menandakan pencapaian penting bagi Ghanim dan Jetsin, dengan pengeluaran produk yang menggabungkan perisa tradisional dengan teknik moden, memperkenalkan kekuatan kemudahan pembuatan Ghanim.

Sementara itu, Pengarah Urusan Jetsin, Datuk Koh Chung Jade, dalam ucapannya semasa pelancaran tersebut juga menyampaikan rasa terujanya terhadap kerjasama tersebut.

"Kerjasama ini bukan hanya

tentang makanan, malah ia adalah bukti ikatan yang kukuh, nilai yang dikongsi bersama, dan saling menghormati antara kedua-dua negara kita," ujarnya.

Produk baharu ini akan tersedia secara eksklusif semasa Pesta Pengguna Ke-30 pada harga promosi istimewa.

Ghanim merupakan anak syarikat Darussalam Assets Sdn. Bhd. dan kini mengendalikan kemudahan BFID yang terletak di Tapak Perindustrian Salambigar. Untuk maklumat lanjut, ikuti bruneihalalfoods di media sosial [@bruneihalal](#) atau layari [www.brunei-halal.com](#).

37 PEGAWAI SERTAI KURSUS MAKTAB TURUS SESI KE-15



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TANAH JAMBU, Khamis, 16 Januari. - Seramai 37 orang pegawai mengikuti Kursus Maktab Turus Sesi Ke-15 yang akan berlangsung selama 46 minggu.

Kursus kali ini disertai oleh 16 pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), seorang pegawai dari Kementerian Pertahanan, seorang pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan 19 lagi pegawai tentera antarabangsa daripada 15 negara; Australia, Kerajaan Bahrain, Republik Rakyat

Bangladesh, Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Kerajaan Hasyimiyah Jordan, Malaysia, Kesultanan Oman, Republik Islam Pakistan, Republik Filipina, Kerajaan Arab Saudi, Republik Singapura, Kerajaan Thailand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Majlis Pembukaan bagi Kursus Maktab Turus Sesi Ke-15 ini diadakan bertempat di Auditorium Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), Kampung Tanah Jambu, di

sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan majlis tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejaz Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Juga hadir, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, wakil dari PPDB, Perwakilan dari Kedutaan Luar Negeri di Negara Brunei Darussalam (NBD), Atase-atase dan Penasihat-penasihat Pertahanan yang tidak menetap dan menetap di NBD, Ahli-ahli



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan bagi Kursus Maktab Turus Sesi Ke-15 dan seterusnya menyampaikan ucapannya (kiri dan atas).

Fakulti dari UBD dan Pegawai-pegawai Kanan ABDB.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Anfal, ayat 60-66 diketuai oleh wakil peserta kursus, Letjen Komander Abdul Azim bin Haji Abdul Rahman, Tentara Laut Diraja Brunei (TLDB), diikuti dengan ucapan perasmian oleh tetamu kehormat dan diteruskan dengan Upacara Mengibarkan Bendera.

Upacara Pengibaran Bendera tersebut melambangkan semangat kerjasama antara negara-negara yang mengambil bahagian dalam kursus ini dan menekankan kepentingan untuk membina persahabatan yang kukuh sepanjang perjalanan pembelajaran peserta kursus.

Kursus Maktab Turus Sesi 15/2025 direka khusus untuk meningkatkan pengetahuan profesional dan akademik peserta kursus berkaitan dengan persekitaran strategik kontemporari dan kesannya terhadap pertahanan dan keselamatan.

Kursus tersebut dikendalikan dengan kerjasama UBD sebagai penyelia akademik selama tujuh tahun sehingga kini.

Pada penghujung kursus ini, peserta-peserta kursus yang berjaya akan dianugerahkan psc (j) iaitu passed staff course (joint) daripada pihak AP ABDB dan memperoleh Ijazah dalam Master in Defence and Security Studies daripada pihak UBD.

Jadikan Al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan seharian



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menyampaikan sijil kepada penerima (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir menyertai Majlis Khatam Al-Quran.

dan Selawat Tafrijiyah oleh para peserta khatam. Kemudian, para peserta khatam mulakan bacaan surah-surah dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Baqarah, ayat 1 hingga 5.

Bacaan Doa Khatam Al-Quran seterusnya dipimpin oleh Dayang Nursyamisah binti Husin dari Muslimah Masjid Kampung Bengkurong.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban diikuti dengan penyampaian sijil oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah kepada para peserta khatam.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh tenaga

pembimbing Muslimah Masjid Kampung Bunut dan Kampung Bengkurong, Dayang Haniah binti Haji Mohammad Salleh.

Majlis antara lain adalah sebagai tanda kesyukuran atas limpah kurnia kemakmuran dan keamanan yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada Negara Brunei Darussalam di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping bagi mendidik dan mendekatkan para Muslimah dengan Al-Quran, yang menjadi panduan dalam kehidupan seharian.

JERUDONG, Jumaat, 17 Januari. - Seramai 78 peserta gabungan Muslimah Masjid Kampung Bunut dan Muslimah Masjid Kampung Bengkurong diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis yang diadakan di

Parkview Hotel berkenaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh tetamu khas majlis diikuti bacaan Sayyidul Istighfar

BINA KERJASAMA STRATEGIK, MEMPERKUKUH HUBUNGAN DIPLOMATIK

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Miri, Yang Berhormat Chiew Khamis, 16 Januari. - Choon Man bersama Ahli Rombongan Parlimen Malaysia yang diketuai oleh Ahli Parlimen

Miri, Yang Berhormat Chiew Khamis, 16 Januari. - Choon Man bersama Ahli Parlimen Petaling Jaya, Yang Berhormat Lee Chean Chung bertempat di Bangunan Dewan



YANG Berhormati Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada perjumpaan rasmi bersama rombongan Parlimen Malaysia yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

Terdapat **4** program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

| | |
|--|---|
| <p></p> <p>Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular</p> <p>Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok. | <p></p> <p>Pemeriksaan kanser kolorektal</p> <p>Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berumur 50+ 75 tahun; dan 2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan 3. Tidak menjalani ujian nafis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan 4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan. |
| <p></p> <p>Pemeriksaan kanser payudara</p> <p>Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berumur 40+ 65 tahun; dan 2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan 3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan. | <p></p> <p>Pemeriksaan kanser serviks</p> <p>Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berumur 20– 65 tahun; dan 2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan 3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan 4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan. |

#SihatHasratKu
www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

Majlis.

MMN diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman berserta beberapa orang Ahli MMN.

Pertemuan antara kedua-dua pihak membincangkan pelbagai isu penting yang menjadi keprihatinan bersama, termasuk memperkuuhkan hubungan

diplomatik dan hubungan antara kedua-dua parlimen, serta usaha untuk membina kerjasama strategik yang memberi impak kepada pelbagai sektor berkepentingan.

Kedua-dua pihak berharap hubungan erat yang sedia terjalin antara kedua-dua negara akan terus diperkuuh untuk mencapai kemajuan dan kesejahteraan bersama.

Kursus Ibadat Haji, Umrah bermula 17 Januari

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Januari. - Jabatan Urusan Haji melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah akan mengadakan Kursus Ibadat Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi sebanyak 10 sesi iaitu setiap Jumaat dan Ahad dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 10.30 pagi, secara serentak di pusat-pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah bermula pada 17 Januari 2025 dan berakhir pada 16 Februari 2025.

Tarikh-tarikh Kursus Ibadat Haji dan Umrah tersebut ialah 17, 19, 24, 26, dan 31 Januari 2025; dan 2, 7, 9, 14 dan 16 Februari 2025.

Manakala pusat-pusat Kursus Ibadat Haji dan Umrah di keempat-empat daerah adalah di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut; Sekolah Ugama Lambak Kanan, Jalan 1, Kampung Perpindahan Lambak Kanan; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Surul Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas; dan Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar bagi Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu, bagi Daerah Belait pula, kursus tersebut akan diadakan di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kuala Belait; bagi Daerah Tutong di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong; dan di Daerah Temburong pula akan diadakan di Sekolah Arab Temburong, Temburong.

Sehubungan itu, semua bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan Ibadat Haji bagi Tahun 1446H / 2025M adalah dikehendaki untuk mengikuti Kursus-kursus Ibadat Haji yang telah diaturkan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

Pendaftaran SMS keputusan peperiksaan kini dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Januari. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'A', 'AS', 'O' dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) Sesi Oktober / November 2024.

Ibu bapa atau penjaga dan pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan ini boleh membuat pendaftaran melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan memasukkan teks MOE<jarak>REGA<jarak>(KOD PUSAT)<jarak>(NOMBOR CALON)<jarak>(NOMBOR I.C. CALON) untuk mendapatkan Keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'A' dan 'AS' Sesi Oktober / November 2024, dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. dan 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd. Contoh teks MOE REGO BN100 200 00-123456.

Sementara itu, bagi Keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan IGCSE Sesi Oktober / November 2024 memasukkan teks MOE<jarak>REGO<jarak>(KOD PUSAT)<jarak>(NOMBOR CALON)<jarak>(NOMBOR I.C.CALON) dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. dan 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd. Contoh teks MOE REGO BN100 200 00-123456.

Tiada bayaran akan dikenakan sewaktu pendaftaran melalui telefon bimbit. Ibu bapa atau penjaga dan pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan ini mulai pada Jumaat, 17 Januari 2025.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut. Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3.00 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan ini akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai terutama sekali para ibu bapa atau penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau ingin menghadapkan sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui nombor +673 8671355 atau e-mel kepada moerresults@machbrunei.com.

RANGSANG INOVASI TEKNOLOGI, MAJUKAN PENYELIDIKAN, KAJIAN TENAGA



SEKITAR Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Syarikat Methanol Brunei Sendirian Berhad (BMC) dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD) berlangsung di Kampus UBD (kiri dan kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUNGKU LINK, Khamis, 16 Januari. - Syarikat Methanol Brunei Sendirian Berhad (BMC), petrokimia perintis negara telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD) bertempat di Kampus UBD,



Jalan Tunku Link, hari ini. Kerjasama strategik tersebut difasilitasikan oleh Pejabat Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Keusahawanan), yang meneckankan komitmennya untuk memupuk kolaborasi berimpak tinggi antara industri dan akademia.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan Ketua Pegawai Eksekutif BMC, Jesús Enrique Mora Marín dengan disaksikan oleh Pegawai Eksekutif BMC, Yasuhisa Tsukamoto dan Pengarah Pusat Sains Bahan dan Tenaga Maju (CAMES), Profesor Madya Dr. Malai Haniti binti Sheikh Abdul Hamid.

UBD mengiktiraf BMC sebagai

PENGARAH Pusat Sains Bahan dan Tenaga Maju (CAMES), Profesor Madya Dr. Malai Haniti binti Sheikh Abdul Hamid semasa berucap.

rakan kolaborator utama dalam menyokong misi CAMES untuk memajukan penyelidikan dalam sains bahan dan kajian tenaga, selaras dengan usaha pemodenan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang 15 tahun operasi komersial BMC, kerjasama ini juga akan menyumbang ke arah pencapaian teras pertama Wawasan Brunei 2035 iaitu membangunkan tenaga kerja yang terdidik dan berkemahiran tinggi yang memenuhi piawaian antarabangsa.

MoU ini bertujuan untuk memupuk perbincangan bagi mengenal pasti peluang kerjasama dalam bidang seperti pengeluaran dan penyimpanan hidrogen, penangkapan dan penggunaan karbon, rawatan dan penapisan air, perlindungan dan pencegahan kakisan, serta reka bentuk bahan maju yang dibantu oleh Kecerdasan Buatan (AI). Inisiatif-inisiatif ini dijangka akan merangsang inovasi teknologi dan membangunkan modal insan tempatan.

UBD juga sedang aktif mencari

kerjasama dan perkongsian bersama industri. Untuk pertanyaan lanjut atau peluang kerjasama, sila hubungi Pejabat

Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Keusahawanan) di industry.ieed@ubd.edu.bn.

TERUS SOKONG AMALAN PENYUSUAN SUSU IBU

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin



TUTONG, Rabu, 15 Januari. - Menyedari akan kepentingan dalam menggalakkan amalan penyusuan susu ibu, selain menyokong hal ehwal kesejahteraan serta perlindungan kesihatan anak damit juga kanak-kanak melalui penyusuan susu ibu, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei Darussalam menyampaikan Kain Penutup Penyusuan Anak Damit (Breastfeeding Nursing

Cover) bagi kegunaan ibu-ibu baru bersalin, hari ini.

Kain Penutup Penyusuan Anak Damit ialah alat yang ringkas, praktikal, dan mudah digunakan. Ia membantu ibu-ibu menyusukan anak damit dengan lebih selesa di tempat awam, sambil menjaga privasi mereka.

Penyerahan Kain Penutup Penyusuan Anak Damit oleh Pertubuhan WI ini diadakan

bertempat di Klinik Obstetrik dan Ginekologi, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Pada majlis tersebut, penyerahan Kain Penutup Penyusuan Anak Damit disempurnakan oleh Penasihat WI, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali yang diserahkan kepada Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, selaku wakil Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

Menurut Datin Dayang Hajah Masni, dengan pengagihan Breastfeeding Nursing Cover tersebut, ia adalah sebagai satu cara untuk menyokong amalan penyusuan susu ibu.

WI tambahnya, sentiasa percaya dalam amalan penyusuan susu ibu kerana ia adalah satu amalan yang



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan (kiri). Manakala gambar atas, Penasihat WI, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali semasa menyerahkan Kain Penutup Penyusuan Anak Damit kepada tetamu kehormat.

penting, di samping ia memberikan ikatan yang lebih erat antara ibu dan anak damit serta bagi meningkatkan imuniti dan kesihatan anak-anak damit.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Guru

Ugama (Peranti Perawatan Islam), Awang Mohamad Najib bin Haji Awang Mohamad Iskandar. Turut hadir di majlis ini ialah ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

29 tenaga pengajar baharu ikuti Program Induksi

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



ANTARA yang hadir pada program berkenaan yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidikan pagi tadi mengadakan Majlis Pembukaan Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, di sini.

Program Induksi berkenaan diadakan selama lima hari, iaitu 15, 16, 18, 20 dan 21 Januari 2025 dan disertai oleh 29 tenaga pengajar baharu.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan program berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Pengurusan Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dayang

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman ketika berucap pada Majlis Pembukaan Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu.

Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu. Diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Program turut diisikan dengan aktiviti dan taklimat dari Jabatan Perdana Menteri, jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Antara tujuan Program Induksi berkenaan diadakan adalah untuk memberi bimbingan kepada tenaga pengajar yang baharu berkhidmat agar dapat



menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja serta melaksanakan tugas dengan baik dengan persediaan yang diberikan, khususnya dalam beberapa tahun pertama berkhidmat sebagai guru.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.

MOHA WEEKEND POP-UP MARKET BERI PELUANG PENGUSAHA TAWARKAN PRODUK



SEKITAR MOHA Weekend Pop-Up Market yang turut disertai oleh pengusaha Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan untuk memperkenalkan produk-produk jualan berbentuk makanan, minuman dan kraf tangan (atas, kanan dan bawah).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Januari. - Sejak pelaksanaannya pada Februari tahun lalu, MOHA Weekend Pop-Up Market telah disertai oleh lebih 85 vendor tempatan dengan sambutan yang begitu menggalakkan daripada orang ramai.

Pelbagai produk tempatan diketengahkan semasa acara jualan berkenaan yang merupakan anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Inisiatif itu memberi peluang kepada pengusaha Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan untuk memperkenalkan produk-produk jualan berbentuk makanan, minuman dan kraf tangan.

Salah satu ciri utama yang diketengahkan melalui inisiatif ini adalah penyertaan vendor yang berbeza-beza. Ini memberikan kepelbagaiannya kepada pengunjung untuk melihat produk-produk baharu setiap kali Pop-Up Market diadakan.

Selain itu, putaran vendor ini juga memberikan peluang kepada lebih banyak usahawan untuk menyertai MOHA Weekend

Pop-Up Market ini yang diadakan dua kali dalam sebulan.

Sehubungan itu, MOHA Weekend Pop-Up Market kali ini disertai oleh sembilan PMKS dan berlangsung selama tiga hari iaitu Khamis, 16 Januari dan Sabtu, 18 Januari (8.00 pagi hingga 3.00 petang) dan Ahad, 19 Januari 2025 (6.00 hingga 10.00 pagi).

Pada dua hari pertama, Pop-Up Market berkenaan diadakan di tempat letak kereta beratap KHEDN, manakala pada hari Ahad, pengusaha-pengusaha yang mengikuti MOHA Weekend Pop-Up Market akan menyertai Bandar Ceria di Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan.

Semasa meninjau acara jualan tersebut, Pelita Brunei menemu bual salah seorang daripada vendor tempatan iaitu Pengiran Muhd. Amar Wafiuiddin seterusnya menjelaskan beliau sering menyertai acara Pop-Up yang diadakan atau acara-acara ekspos bagi memperkenalkan produk makanan buatannya yang kini semakin dikenali ramai.



menjual makanan Cheesy Meatball Sub iaitu bola daging buatan sendiri yang disaluti dengan sos Marinara dan ditaburi keju, kemudian dipanggang sehingga sempurna.

Pengiran Muhd. Amar Wafiuiddin seterusnya menjelaskan beliau sering menyertai acara Pop-Up yang diadakan atau acara-acara ekspos bagi memperkenalkan produk makanan buatannya yang kini semakin dikenali ramai.

Sekiranya tidak mengikuti mana-mana acara jualan di luar, beliau juga menjualnya secara

dalam talian melalui media sosial Instagram @Bolbettas.Bn.

Dengan adanya acara jualan tersebut, ia dapat memberikan peluang bagi para pengusaha kecil untuk mempromosikan dan menjual produk mereka secara langsung kepada pelanggan.

Selain itu, acara seumpamanya juga dapat membantu meningkatkan kesedaran tentang produk yang ditawarkan, membina jaringan, dan mencipta hubungan yang lebih dekat dengan pelanggan.

Dengan adanya MOHA Weekend Pop-Up Market, pengusaha kecil dapat merasakan langsung reaksi pasaran terhadap produk mereka, serta mendapatkan maklum balas yang berharga untuk pengembangan di masa akan datang.

Para pengusaha melalui MPMK serta PMKS tempatan yang berminat untuk menyertai MOHA Weekend Pop-Up Market ini bolehlah mengikuti makluman dari semasa ke semasa mengenainya di Instagram @MOHABrunei.



MENYELARAS ISI KANDUNGAN CERAMAH LEBIH KONSISTEN, RELEVAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Januari. - Seramai 120 peserta telah mengikuti Halaqah Bimbingan Daie Kali Ke-70 bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), hari ini.

Para peserta terdiri daripada Jabatan Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan; Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam serta pensyarah dan penolong pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di bawah Kementerian



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan cenderahati kepada fasilitator jemputan (atas kanan). Sementara gambar atas dan kanan, suasana pada majlis tersebut yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI.

dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator jemputan yang disempurnakan oleh Pengarah PDI dan seterusnya pembentangan dimulakan. Sejurus selesai pembentangan oleh fasilitator jemputan, sesi perbincangan dan soal jawab dibuka kepada para peserta dan jemputan.

Objektif Halaqah Bimbingan Daie Kali Ke-70 ini adalah untuk menyelaras isi kandungan ceramah agar isu atau tajuk yang disampaikan oleh para penceramah konsisten dan sentiasa relevan dengan peredaran masa dan zaman.

Halaqah Bimbingan Daie Kali Ke-70 ini diharap akan dapat mencapai objektif dan sasaran yang dihasratkan, iaitu bagi memberi ilmu pengetahuan, berkongsi isu dan bertukar-tukar fikiran berkaitan dengan tajuk ceramah yang disampaikan.



Lebih 200 pelajar Pusat Ehsan diraikan

GADONG, Rabu, 15 Januari. - Lebih 200 pelajar dari Pusat Ehsan Al-Almeerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) diraikan petang tadi di sebuah restoran Nasi Ayam Asli, di Batu Bersurat, selama dua hari bermula hari ini.

Para pelajar menikmati hidangan kegemaran tempatan dan pelbagai pilihan lain antaranya nasi ayam, yang terkenal di Nasi Ayam Asli.

Pemilik bersama Nasi Ayam Asli, Goh Kheng Yih dan Joshua Thien, mengatakan mereka baharu sahaja membuka Nasi Ayam Asli pada pertengahan 2024 dan mereka bersyukur atas sokongan yang diberikan oleh masyarakat tempatan setakat ini.

"Restoran kami menyajikan ayam berkualiti tinggi dari pembekal halal tempatan yang utama, dan menu kami mempunyai harga yang berpatutan kerana setiap orang berhak untuk menikmati makanan yang baik," kata mereka.

Pemilik bersama juga turut mengulas bawaha alasan menjemput para pelajar daripada organisasi amal dan bukan kerajaan itu kerana mereka percaya sebuah masyarakat yang inklusif dan maju adalah di mana setiap orang berhak untuk makan dengan baik.

"Kami ingin memberikan kembali kepada masyarakat atas semua sokongan yang mereka berikan kepada kami."

"Oleh itu, kami ingin menjemput



SESI bergambar ramai bersama pelajar dari Pusat Ehsan Al-Almeerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) di sebuah restoran Nasi Ayam Asli, di Batu Bersurat.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

para pelajar negara ini untuk menikmati makanan seperti orang lain," tambah Goh Kheng Yih dan Joshua Thien lagi.

Mereka menjelaskan, ini adalah

peluang yang baik untuk mengambil bahagian dalam tanggungjawab sosial korporat di samping untuk memberi kembali dan menghargai masyarakat.

Mereka seterusnya berharap untuk melaksanakan lebih banyak acara seperti berkenaan pada masa hadapan.

Acara dua hari berkenaan ditaja bersama oleh Nasi Ayam Asli dan Barossa Sdn. Bhd.

Nasi Ayam Asli ditubuhkan pada

Jun 2024, manakala Barossa Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat pembekal peralatan sanitari dan jubin untuk perumahan dan pembangunan yang telah ditubuhkan pada 2015 dengan perubahan pengurusan baharu pada 2021.


**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURIAHAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 Toliti Skim Iklan sebelum memohon.
- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Dilain WhatsApp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

| Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan | Urus setia Pengambilan | Kekosongan | Jenis Iklan | Tarikh Tutup Permohonan |
|---|---|------------|-------------|-------------------------|
| 1. ATENDAN PAMERAN F.1-2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) PUSAT SEJARAH BRUNEI, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN 2025/JAN/01/KKBS | KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN | 01 | 7(A) | 27 JANUARI 2025 |
| 2. JURUUKUR BAHAN KANAN B.3 (BAHAGIAN II) JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/JAN/01/KPBG | KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | 01 | 38(A) | 27 JANUARI 2025 |
| 3. PENOLONG JURUAUDIT AGUNG KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI 2025/JAN/02/JPM | PEJABAT SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM | 01 | 38(A) | 27 JANUARI 2025 |

1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR DAN MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIJULKAN DI BAWAH PERATURAN 7(1) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN


**KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI**

Bilangan Sebut Harga:
KKWE / SDT / Q / 2025 - 1

Tajuk Sebut Harga :
Penyelengaraan Batu Piawaian Cast Iron (20 Kilogram)
Bagi Unit Sukatan Dan Timbangan, Bahagian Industri Dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

Bilangan Sebut Harga:
KKWE / SDT / Q / 2025 - 2

Tajuk Sebut Harga:
Penyelengaraan Sukatan Cecair (Prover Tank) Bagi Unit Sukatan Dan Timbangan, Bahagian Industri Dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
25 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

Yuran Sebut Harga:
Percuma

Bilangan Sebut Harga :
KKWE / SDT / Q / 2024-1

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Kerja-Kerja Penambahbaikan Dan Pengubahaui Siling Dan Network Infrastructure Banglo Pejabat Unit Sukatan Dan Timbangan, Bahagian Industri Dan Ekosistem Perniagaan, No.330, Simpang 27, Jalan Maulana, Daerah Belait NBD

Bilangan Sebut Harga :
KKWE / MSU / Q / 2024-1

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Kerja-Kerja Pemasangan Karpet Di Tingkat Tiga (3) Dan Tingkat Bahaw Bangunan Pejabat Unit Standard Sukatan, Bahagian Industri Dan Ekosistem Perniagaan, Blok B6, No.31, Simpang 32-66, Kg. Anggerek Desa

Tarikh Tutup :
Rabu,
22 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

Yuran Sebut Harga:
Percuma


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
"Architect Consultancy"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 09 / 2024

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
Architect Consultancy Services for
Pembinaan Bangunan Pejabat Baharu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Dibukakan Kepada
"Civil And Structural Engineering Consultancy"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 10 / 2024

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
Civil And Structural Engineering Consultancy Services for
Pembinaan Bangunan Pejabat Baharu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Dibukakan Kepada
"Mechanical and Electrical"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 11 / 2024

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
Mechanical and Electrical Engineering Consultancy Services for
Pembinaan Bangunan Pejabat Baharu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Dibukakan Kepada "Quantity Surveying Consultancy"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 12 / 2024

Dibukakan Kepada "Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam"

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
Quantity Surveying Consultancy Services for Pembinaan Bangunan Pejabat Baharu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
28 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Februari 2025.



(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 01 / CQS / 2025-T / III

Nama Projek:
Pembinaan Centralised Store (CES), Jabatan Kastam Eksais Diraja Kampong Anggerek Desa

Kelas :
II & III

Kategori :
KA01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
4 Februari 2025.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 02 / CQS / 2025-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Masalah Endapan Tanah Dan Struktur Bangunan Di Sekolah Junjongan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Februari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
4 Februari 2025.

Yuran Tawaran:
BND50.00

Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba

Bayaran Dokumen:
BND2,000.00
(Bayaran Dokumen tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / PMM / SPA BSB / 06

Keterangan:
Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, Jalan RIPAS

Bayaran Dokumen:
BND500.00
(Bayaran Dokumen tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / PMM / MIB, TUT/09

Keterangan:
Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong

Bayaran Dokumen:
BND500.00
(Bayaran Dokumen tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / PMM / SUAMP RIPAHS, KATOK / 10

Keterangan:
Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok

Bayaran Dokumen:
BND1,000.00
(Bayaran Dokumen tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Borang Tawaran :
Selasa,
12 Syaaban 1446H / 11 Februari 2025M.

Tarikh Akhir Menghantar Borang Tawaran :
Selasa,
19 Syaaban 1446H / 18 Februari 2025M.
Tidak lewat sebelum jam 2.00 Petang.





**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Calon-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :-

Pemberita Sambilan

1. Syarat-Syarat Kelayakan Minimum :

A. i. BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian atau kelulusan dalam bidang media yang diiktiraf

atau

ii. BDTVEC / BTEC National Diploma (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian atau kelulusan dalam bidang media yang diiktiraf.

B. Lulus ujian bertulis dan ujian praktikal fotografi yang akan dikendalikan oleh **Bahagian Pelita Brunei dan Unit Fotografi, Jabatan Penerangan**.

C. Mempunyai kemahiran berikut adalah satu kelebihan :

- Boleh menulis dan membaca dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- Boleh membaca tulisan Jawi adalah satu kelebihan.
- Boleh menggambar dan mempunyai peralatan kamera.
- Mempunyai sijil dalam bidang kewartawanan merupakan satu kelebihan.

2. Syarat-Syarat Am

- Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- P e m o n m e m p u n y a i pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi, dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau semasa cuti awam.
- Mempunyai lesen memandu yang sah.

3. Tugas Dan Tanggungjawab Pemberita Sambilan :

- Menulis berita atau rencana serta menggambar aktiviti-aktiviti untuk akhbar Pelita Brunei.
- Bersedia bertugas pada bila-bila masa ketika diperlukan.

4. Kadar Bayaran

- Bagi berkelulusan HND atau sebanding dengannya, kadar bayaran ialah maksimum BND70 setiap satu berita dan minimum 8 keping gambar.
- Bagi berkelulusan ND atau sebanding dengannya, kadar bayaran ialah maksimum BND60 setiap satu berita dan minimum 8 keping gambar.

5. Tatacara Permohonan :

- Permohonan hendaklah lengkap dengan sijil-sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang relevan.
- Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut :

Ketua Bahagian Pelita Brunei
Bahagian Pelita Brunei
Jabatan Penerangan



**PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

1 / JANUARI / 2025 / PSB / PD.575:

Pencetakan Kad Jemputan Dan Lain-Lain Kad Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga :

Khamis,
23 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Tajuk :

Membekalkan Dan Menghantar Barang Untuk Pembarigaan Bagi Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES

Bilangan Sebut Harga:

JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 12

Tarikh Tutup :

22 Januari 2025, Rabu.



**Jabatan Perdana Menteri
Lapangan Terbang Lama
Berakas, BB3510
Negara Brunei Darussalam**

Peringatan : Hanya pemohon-pemohon yang lulus ujian bertulis akan disenaraikan pendek sahaja dipanggil untuk ditemu duga.

Tarikh tutup permohonan pada Sabtu, 8 Februari 2025.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**Universiti Brunei Darussalam
Pengiklanan Jawatan Kosong
Peraturan 38(a)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:

MINDEF / DFA / RC / 255 (5)
Supply of P.O.L (Petrol, Oil And Lubricants) and Consumable Items For The Royal Brunei Air Force – (2) Two Years Contract

Yuran Tawaran:

BND100.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Isnin, 10 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
4 Mac 2025
2.00 Petang



**JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:

63 / JPD / JKSH / 2024-2025

Tajuk Projek:

24 Months Term Provision of Cleaning Services for Land Transport Department Tutong Branch

Bilangan Tawaran:

64 / JPD / JKSH / 2024-2025

Tajuk Projek:

24 Months Term Provision of Cleaning Services for Land Transport Department Temburong Branch

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
22 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

Jawatan :
Pustakawan Kanan

Tangga Gaji:
UB.2
[BND3,880 - BND4,240]

Kekosongan:
1 Orang

Jabatan:
Universiti Brunei Darussalam

**Menghadapkan Borang
Permohonan
Bagi Pemohon Yang
Berkhidmat Dengan
Kerajaan Sahaja**

1.Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
<https://tinyurl.com/PustakawanKananUBD2025>

2.Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang

berkaitan. Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap tidak lewat 1 Februari 2025.

3.Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

4.Satu (1) Laporan Sulit

5.Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)

6.Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

7.Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

8.Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 4 / 2024-2025/

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Pakaian Seragam Bagi Sambutan Hari Kebangsaan Yang Ke-41, Tahun 2025.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
30 Januari 2025.
Khamis,
Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat (Jika
Berkenaan):**
23 Januari 2025.
Khamis
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga :**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



**KEMENTERIAN HAL EHWA
LUAR NEGERI**

**Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri**

**Jawatan Kosong Di
OIC General Secretariat In
Jeddah**

Jawatan :
Director - Palestine and Al Quds Affairs Department,
Jeddah, Kingdom Of Saudi Arabia

Tarikh Tutup :
30 Januari 2025.

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah menghadapkan permohonan dan *curriculum vitae* melalui e-mel:
vacancy@oic-oci.org





Jabatan Perancangan Ekonomi Dan Statistik
Kementerian Kewangan Dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi masih lagi menyimpan wang taruhan Lembaga Kemajuan Ekonomi dari tahun 1979 hingga 1999 sebagaimana nombor-nombor resit dan nama-nama yang disenarai.

Sehubungan ini, dipohonkan kerjasama kepada nama-nama yang tersenarai di bawah akan dapat datang sendiri atau wakil dengan membawa bersama salinan resit asal dan surat wakil (jika berwakilan) ke Kaunter Kewangan, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam mulai Disember 2024 hingga Februari 2025 semasa waktu Pejabat bermula 8.30 Pagi hingga 4.00 Petang sahaja. Jika wang taruhan tidak ditutup selepas tarikh tersebut di atas, maka wang tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun hasil Kerajaan.

Nama-nama / Syarikat-Syarikat yang berkenaan adalah seperti berikut:

| BIL. | No. Resit | Tarikh | Nama | Jumlah |
|------|-----------|----------------|---|-------------|
| 1 | 216198 | September 1979 | Greenland Industries Ltd | BND500.00 |
| 2 | 494020 | Disember 1979 | Awg Othman bin Burut | BND588.00 |
| 3 | 828030 | Julai 1980 | Sharikat Awang Damit | BND500.00 |
| 4 | 828076 | Ogos 1980 | Asia Win Industrial Co Ltd | BND500.00 |
| 5 | 828175 | September 1980 | Prince Hotel Company | BND500.00 |
| 6 | 854555 | Mac 1980 | Econ Motor | BND100.00 |
| 7 | 854556 | Mac 1980 | Skt Awg Damit | BND100.00 |
| 8 | 828991 | Januari 1981 | Hjh Siti Masni bte Hasib | BND588.00 |
| 9 | 786525 | April 1982 | Oriental Travel Service | BND1,000.00 |
| 10 | 786799 | Jun 1982 | Brunei Travel Service Pte Ltd | BND1,000.00 |
| 11 | 579813 | April 1983 | H.T.H Travel Agency | BND1,000.00 |
| 12 | 048583 | 1983 | Awg Zainal Arifin Puteh | BND1,000.00 |
| 13 | 048754 | 1983 | Intan Travel and Trading Agent | BND1,000.00 |
| 14 | 049179 | 1983 | Hj Abd Rahman Hj Lamit | BND1,000.00 |
| 15 | 049310 | 1983 | Coel Aire (b) Ltd | BND500.00 |
| 16 | 280361 | 1987 | Hj Omar bin Ibrahim | BND3,900.00 |
| 17 | 525014 | Mei 1989 | Wantong Travel Service | BND1,000.00 |
| 18 | 419457 | Februari 1990 | M/s Jasrkil (B) bhd | BND200.00 |
| 19 | 419452 | Februari 1990 | M/s Mechairs Engineering Sdn Bhd | BND200.00 |
| 20 | 419460 | Februari 1990 | To Bishima Jaya Sdn Bhd | BND500.00 |
| 21 | 419463 | Februari 1990 | Miss L & M Drestressing Sdn Bhd | BND500.00 |
| 22 | 419466 | Februari 1990 | Chuon Tzu Construction Co | BND500.00 |
| 23 | 419470 | Februari 1990 | Misses Syarikat Morni | BND500.00 |
| 24 | 419476 | Februari 1990 | Hj Mohd. Yassin General Contractor Sdn Bhd | BND500.00 |
| 25 | 419482 | Februari 1990 | Borneo Air- Conditioning & Engineering Sendirian Bhd | BND200.00 |
| 26 | 774010 | Mac 1990 | Fong Electrical Trading Co Ltd | BND500.00 |
| 27 | 774011 | Mac 1990 | Friendly Electrical Co | BND500.00 |
| 28 | 774015 | Mac 1990 | M/s BMS Engineering & Partners | BND500.00 |
| 29 | 774318 | Mac 1990 | Jofri bin Mohd Noor | BND200.00 |
| 30 | 774319 | Mac 1990 | Sykt Nor Hj Ali Adik Beradik | BND200.00 |
| 31 | 774324 | Mac 1990 | Md Daud General Contractor | BND200.00 |
| 32 | 774328 | Mac 1990 | Sykt Haly | BND200.00 |
| 33 | 774330 | Mac 1990 | Siti Nabilah Minimart | BND200.00 |
| 34 | 774332 | Mac 1990 | Yusaja Catering SVCS | BND200.00 |
| 35 | 774333 | Mac 1990 | Meraj Restaurant | BND200.00 |
| 36 | 887035 | Ogos 1994 | Perusahaan Hjh Sih | BND300.00 |
| 37 | 887038 | September 1994 | Restoran Al Hidayah | BND300.00 |
| 38 | 887044 | September 1994 | Perusahaan Hj Abd Rahman | BND300.00 |
| 39 | 887047 | September 1994 | Pg Othman PHI Gen Const. | BND300.00 |
| 40 | 887133 | November 1994 | Restoran Hjh Sih | BND5,700.00 |
| 41 | 582429 | 1998 | Azhimu Jaya Garments | BND500.00 |
| 42 | 682496 | November 1998 | Awg Hj Md Razali bin Hj Johari RBJ Industries Sdn Bhd | BND500.00 |
| 43 | 4252017 | Februari 1999 | PDS Industries Sdn Bhd | BND500.00 |
| 44 | 4252045 | Mei 1999 | PSA Muara Container Industrial Sdn Bhd | BND500.00 |
| 45 | 4252048 | Mei 1999 | Syarikat Pengangkutan Antara Sdn Bhd | BND500.00 |
| 46 | 493023 | 1985 | K.G. Holding Sdn Bhd | BND1,000.00 |
| 47 | 934288 | Disember 1985 | KG Alaimachit Travel & Tourism Sdn Bhd | BND3,000.00 |
| 48 | 935030 | April 1986 | Ria Travel Service Sdn Bhd | BND1,000.00 |
| 49 | 935341 | Mei 1986 | Brunei Oxygen Sdn Bhd | BND500.00 |
| 50 | 522470 | Mei 1987 | Pankia Tunggal Knitting Mill (Lucky Garment Fact) | BND500.00 |
| 51 | 522809 | Julai 1987 | Kingston Beverage Creamery Sdn Bhd | BND500.00 |
| 52 | 524898 | Oktober 1988 | Jati Freedom Textile Sdn Bhd | BND500.00 |
| 53 | 525004 | Mac 1989 | Syarikat Pembangunan dan Kejuruteraan Sabli | BND500.00 |
| 54 | 525018 | Julai 1989 | Rubyanti D Hamidjojo | BND500.00 |
| 55 | 525019 | Julai 1989 | Moscot Utama Engineering (B) Sdn Bhd | BND500.00 |
| 56 | 525021 | Ogos 1989 | International Business Watch Products | BND500.00 |
| 57 | 525025 | September 1989 | Awg Mohd Hassan B Hj Mohd Yusof | BND500.00 |
| 58 | 525166 | Mac 1990 | Azhimu Garments sand Textile | BND500.00 |
| 59 | 525187 | Mac 1990 | Awg Amat Daud bin Tahir | BND20.00 |
| 60 | 525210 | Jun 1990 | SMAS Cb Sdn Bhd | BND1,000.00 |
| 61 | 525211 | Mei 1990 | Zisan Enterprise | BND1,000.00 |
| 62 | 525214 | Mei 1990 | Mahasiswa Travel Services | BND1,000.00 |
| 63 | 525252 | November 1990 | Asia Win Industrial Co | BND500.00 |
| 64 | 525346 | Januari 1991 | D.D.L Tour Operator | BND1,000.00 |
| 65 | 525425 | September 1991 | G & S Enterprise | BND100.00 |
| 66 | 525426 | September 1991 | Syarikat Sinar Cahaya | BND100.00 |
| 67 | 525427 | September 1991 | Hj Alias Abdullah | BND100.00 |
| 68 | 525435 | September 1991 | Rosmo Enterprise | BND400.00 |
| 69 | 525432 | September 1991 | Syarikat Nurhidaya | BND100.00 |
| 70 | 525433 | September 1991 | GRD Marine Ind Sdn Bhd | BND100.00 |
| 71 | 525434 | September 1991 | Seri Melati | BND300.00 |
| 72 | 525430 | September 1991 | Syarikat Hj Wahab bin Matahi General Contractor | BND100.00 |
| 73 | 525552 | Jun 1992 | Titian Travel & Tours | BND1,000.00 |
| 74 | 525561 | Ogos 1992 | Awg Sulaiman bin Hj Ahai | BND500.00 |
| 75 | 525568 | Oktober 1992 | Hj Abu Bakar bin Hj Tengah | BND100.00 |
| 76 | 525571 | Oktober 1992 | Hj Othman bin Awg Sunggoh | BND100.00 |
| 77 | 525582 | Oktober 1992 | Kota Batu Petrol Station | BND100.00 |
| 78 | 525583 | Oktober 1992 | Hj Harlina Hj Othman | BND100.00 |
| 79 | 525584 | Oktober 1992 | Hjh Ummi Kalithum binti Md Sharbini | BND100.00 |
| 80 | 525589 | Oktober 1992 | Joharie bin Hj Matussin | BND100.00 |
| 81 | 525602 | November 1992 | Abu Hanafiah bin Mohammad Sugur | BND100.00 |
| 82 | 525605 | November 1992 | Tokai Bumiputra Sdn Bhd | BND500.00 |
| 83 | 525606 | November 1992 | Butra Sdn Bhd | BND500.00 |
| 84 | 525690 | Januari 1993 | Perusahaan PKS Kontrol Sistem | BND500.00 |

| | | | | |
|-----|--------|----------------|-------------------------------------|-------------|
| 85 | 525775 | Ogos 1993 | Megamas Training Co Sdn Bhd | BND500.00 |
| 86 | 525778 | Ogos 1993 | HL Bian Hoe Sdn Bhd | BND500.00 |
| 87 | 525782 | September 1993 | Hjh Mariah binti Abd Latif | BND100.00 |
| 88 | 525789 | September 1993 | Hjh Alimin bin Hj Tanjong | BND100.00 |
| 89 | 525791 | September 1993 | Dyg Nosnani bte Hj Kipli | BND100.00 |
| 90 | 525792 | September 1993 | Dyg Nosnani bte Hj Kipli | BND100.00 |
| 91 | 525797 | September 1993 | Sulaiman Hj Ahai | BND100.00 |
| 92 | 525798 | September 1993 | Sulaiman Hj Ahai | BND100.00 |
| 93 | 525811 | Oktober 1993 | Hjh Siti Jalila bte Hj Mohd Tanjong | BND100.00 |
| 94 | 525812 | Oktober 1993 | Hjh Siti Jalila bte Hj Mohd Tanjong | BND100.00 |
| 95 | 525813 | Oktober 1993 | Hjh Siti Jalila bte Hj Mohd Tanjong | BND100.00 |
| 96 | 525820 | November 1993 | Perkasa – Hauley Garment | BND500.00 |
| 97 | 525826 | Disember 1993 | ATH – Tyfountex Sdn Bhd | BND500.00 |
| 98 | 525937 | Jun 1994 | Alliance Garment Industries Sdn Bhd | BND500.00 |
| 99 | 525950 | Julai 1994 | Pengurus Amideo Corporation | BND1,000.00 |
| 100 | 525956 | Julai 1994 | Hj Malik bin Adam | BND100.00 |
| 101 | 525957 | Julai 1994 | Hj Malik bin Adam | BND100.00 |
| 102 | 525962 | Ogos 1994 | Rokiah Hj Mohd Zain | BND100.00 |
| 103 | 525963 | Ogos 1994 | Rokiah Hj Mohd Zain | BND100.00 |
| 104 | 525964 | Ogos 1994 | Awg Hj Salleh @ Daud bin Awg Damit | BND100.00 |
| 105 | 525967 | Ogos 1994 | Hjh Mariah bte Abd Latif | BND100.00 |
| 106 | 525968 | Ogos 1994 | Rohayah bte Hj Kama | BND100.00 |
| 107 | 525972 | 1994 | Hj Naseruddin Hj Mohd Husaini | BND100.00 |
| 108 | 525982 | November 1994 | Ak Hj Sulaiman bin Pg Hj Yusof | BND100.00 |
| 109 | 525984 | November 1994 | Abdul Latif bin Md Jair | BND100.00 |
| 110 | 525988 | November 1994 | Awg Hj Md Yusof bin Hj Kamal | BND100.00 |
| 111 | 525989 | November 1994 | Siti Hawa Hj Abu Hanafiah | |

EJEN PELANCONGAN, WAKIL MEDIA JEPUN TEROKA KEINDAHAN BRUNEI



SESI bergambar ramai bersama 18 ejen pelancongan dan wakil media dari Jepun dalam lawatan suai kenal (*famtrip*).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Januari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, dengan kerjasama pihak berkepentingan pelancongan utama, termasuk syarikat penerbangan kebangsaan, ejen pelancongan tempatan, dan penginapan, baru-baru ini menghoskan 18 ejen pelancongan dan wakil media dari Jepun dalam lawatan suai kenal (*famtrip*) selama empat hari.

Inisiatif ini adalah susulan daripada penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Ekspo Pelancongan Jepun yang diadakan pada September 2024, di mana seminar dan sesi rangkaian telah menarik minat profesional pengembalaan Jepun.

Sebagai respons kepada peningkatan ketibaan berterusan

dari Jepun iaitu 11,555 pelancong pada tahun 2024 berbanding 5,100 pada tahun 2023, *famtrip* ini bertujuan untuk membina minat yang semakin menunjukkan peningkatan ini.

Ejen pelancongan yang menyertai *famtrip* ini mempunyai pelbagai kepakaran khusus termasuk lawatan pendidikan, alam semula jadi dan pengalaman pengembalaan, serta minat khusus seperti memancing, membolehkan mereka meneroka tawaran pelancongan Brunei dengan lebih mendalam.

Antara yang hadir ialah syarikat terkemuka Jepun seperti H.I.S Co. Ltd., ATI Inc., Agensi Pelancongan Nippon dan JTB Corp. Sebagai sebahagian daripada agensi terbesar dan paling berpengaruh dalam industri pelancongan

Jepun, rangkaian luas mereka dan jangkauan antarabangsa meletakkan mereka untuk memainkan peranan penting dalam meningkatkan tarikan NBD sebagai destinasi pelancong Jepun.

Sepanjang lawatan berkenaan, mereka terlibat dalam aktiviti yang memperkenalkan kekayaan warisan alam semula jadi dan budaya Brunei di mana mereka meneroka Taman Negara Ulu Temburong, merasakan sendiri pengembalaan di tengah-tengah hutan hujan yang masih asli.

Mereka juga dibawa melawat Rumah Panjang Mendarom untuk mendapatkan pandangan tentang gaya hidup tradisional puak Iban, menyertai aktiviti melukis batik di Pusat Kesenian dan Kraftangan, dan melawat Ladang Mori untuk

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

mempelajari amalan pertanian lestari.

Rombongan itu juga membuat lawatan ke beberapa ejen pengendali pengembalaan di Temburong, serta meneroka pilihan penginapan tambahan di daerah berkenaan.

Pemeriksaan ini tertumpu pada menilai kualiti, kemudahan dan kesesuaian perkhidmatan untuk pelanggan Jepun, membantu ejen mengenal pasti tawaran yang sejajar dengan jangkaan pelanggan mereka.

Bagi ejen pelancongan yang khusus dalam lawatan pendidikan, jadual perjalanan termasuk lawatan ke Pusat Biodiversiti Tropika dan Taman Rekreasi Luagan Lalak.

Tempat-tempat berkenaan bersama beberapa institusi pendidikan awam dan swasta, memperkenalkan potensi untuk aktiviti pembelajaran unik yang disesuaikan dengan kumpulan pelajar Jepun.

Mengakhiri *famtrip*, Jabatan Kemajuan Pelancongan menghoskan sesi resepsi dan rangkaian dengan ejen Jepun untuk membincangkan potensi kerjasama dan mengumpul maklum balas yang berharga mengenai profil pelanggan mereka, bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang pasaran Jepun.

Platform rangkaian tersebut menyediakan peluang yang sangat baik untuk pertukaran idea, memupuk hubungan yang lebih kukuh antara ejen pelancongan NBD dan institusi pendidikan dengan agensi pelancongan Jepun.

Beberapa ejen yang menyertai *famtrip* ini sudah pun memperkenalkan NBD sebagai destinasi dan membuka peluang kepada mereka untuk mengembangkan usaha untuk menasarkan pasaran pendidikan.

Dalam pada itu, maklum balas yang diterima daripada ejen yang mengambil bahagian adalah sangat positif. Aktiviti seperti melukis batik, lawatan ke rumah panjang Iban, *wildlife river tours* dan lawatan ke sekolah kerajaan amat mendapat sambutan, dengan beberapa ejen menyatakan hasrat untuk tinggal lebih lama di NBD untuk meneroka lebih banyak lagi aktiviti yang ditawarkan oleh NBD.

Jabatan Kemajuan Pelancongan kekal yakin dengan potensi pertumbuhan selanjutnya dalam ketibaan Jepun, dengan peningkatan minat yang terbukti melalui pertanyaan dan lawatan oleh ejen pelancongan Jepun.

Usaha kerjasama jabatan dengan pihak berkepentingan terus meletakkan NBD sebagai destinasi unik dan menarik untuk pelancong Jepun.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan tawaran pelancongan NBD, layari laman sesawang rasmi di www.bruneitourism.com atau ikuti @info.bruneitourism di Instagram.

Operasi Panyap 2025 dapati beberapa kesalahan di bawah Akta Imigresen

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) baru-baru ini melaksanakan tiga operasi penguasa undang-undang di bawah Operasi Panyap 2025 yang mana menyasarkan beberapa kawasan di Daerah Brunei dan Muara.

Operasi ini antara lain bertujuan bagi menguatkuaskan akta dan peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah JIPK termasuk Akta Anti Pemedagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyaludupan Orang, Penggal 229.

Pada Operasi Panyap 01/2025 yang menyasarkan rumah sewa di Mukim Berakas 'B', pemeriksaan dilancarkan ke atas seorang warganegara asing yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang kerana dipercayai melakukan tiga kesalahan iaitu; Kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresen mereka mansuh; Kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan pas lawatan.

Manakala itu, dua orang warganegara asing pula dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal dan kesalahan di bawah Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bersubhat melakukan kesalahan imigresen.

Manakala dua orang warga

pula membuat pemeriksaan ke atas sembilan orang warganegara asing di mana tujuh daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Lima orang daripada warganegara asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresen mereka mansuh.

Tiga orang daripada lima orang yang dinyatakan itu juga dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan pas lawatan.

Manakala itu, dua orang warganegara asing pula dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal dan kesalahan di bawah Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bersubhat melakukan kesalahan imigresen.

Manakala dua orang warga asing pula telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut semasa Operasi Panyap 03/2024 yang menyasarkan premis perniagaan di Mukim Gadong 'B'.

Kedua-dua individu berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan pas lawatan.

JIPK turut mengongsikan tiga

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

sesi pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17 yang mana kesemua mereka didapati membuat kesalahan di bawah Bab 15(1) iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresen mereka mansuh.

Seorang lelaki warganegara Bangladesh, Mutukumar Karupiah, berumur 48 tahun telah pun dijatuhan hukuman lima bulan penjara dan tiga kali sebatan. Hukuman bermula berkuat kuasa pada 24 Disember 2024.

Muhammed Juwel Miah, juga seorang lelaki warganegara Bangladesh berumur 26 tahun dijatuhan hukuman enam bulan penjara dan tiga kali sebatan. Hukuman mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2024.

Manakala seorang lelaki warganegara Indonesia, Suroso, berumur 54 tahun telah pun mengaku bersalah dan dikenakan hukuman enam bulan penjara dan tiga kali sebatan.

Walau bagaimanapun, memandangkan umur individu melebihi 50 tahun, sebatan berkenaan diganti dengan denda sebanyak BND1,000. Individu telah gagal untuk membayar denda tersebut yang mana menjadikan keseluruhan hukuman beliau kepada tujuh bulan penjara. Hukuman mula berkuat kuasa pada 7 Januari 2025.

Sementara itu sesi pendakwaan terhadap Md. Rasel Sheikh, seorang lelaki warganegara Bangladesh berumur 32 tahun

adalah merupakan kes peralihan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Individu tersebut telah pun dijatuhan hukuman bagi dua kesalahan iaitu di bawah Bab 379, Kanun Hukuman Jenayah,

Penggal 22 bagi kesalahan mencuri kepingan logam dan zink bumbung yang membawa kepada 12 bulan tempoh pemerjaraan dan juga di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresennya mansuh yang kemudiannya membawa kepada

tujuh bulan penjara dan tiga kali sebatan.

Bagi kedua-dua kesalahan yang beliau lakukan telah membawa kepada hukuman keseluruhan 19 bulan penjara dan tiga kali sebatan. Hukuman bermula pada tarikh individu direman iaitu pada 28 Disember 2024.

Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK di talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-undang semasa menjalankan Operasi Panyap 03/2024 yang menyasarkan premis perniagaan di Mukim Gadong 'B'.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Adh-Dhariyat, ayat 56 :

Tafsirnya : "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku".

Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan manusia dengan tujuan untuk beribadah kepada-Nya. Sepanjang hidupnya, manusia akan diuji untuk menentukan untung nasibnya di dunia dan juga di akhirat kelak. Bagi memastikan diri berjaya dalam menghadapi ujian yang diberikan, manusia harus memiliki iman dan takwa agar dapat terus menjalankan tanggungjawab dan mampu menjalankan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya.

Manusia yang hidup tanpa iman boleh

Amalan menambah keimanan

diibaratkan seperti rumah tanpa asas yang kukuh. Ia mudah roboh dan tidak mampu melindungi penghuninya. Iman yang kental dan kukuh akan melindungi manusia daripada segala macam kesesatan, kelelahan dan pelbagai bencana lainnya sepanjang mengharungi kehidupan. Hakikatnya, tanpa iman, manusia tidak akan dikurniakan keredaan dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Hanya dengan iman, manusia mampu mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Namun begitu, manusia adalah makhluk yang sering lalai dan lupa. Kerana itulah keimanan boleh berkurang dan bertambah. Maka bagi memastikan iman terus kekal pada kedudukannya yang terbaik serta bagi meningkatkan keimanan diri, antara kaedah dan cara yang boleh diamalkan ialah dengan mempelajari ilmu agama bersumberkan Al-Quran dan hadis seperti memperbanyakkan bacaan Al-Quran dan menghayati maknanya, mempelajari Asmaul Husna, mempelajari sirah Nabawiyah, mempelajari nilai-nilai agama Islam, mempelajari kehidupan para sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Tabi'in dan Tabi' Tabi'in dan seumpamanya.

Al-Quran merupakan mukjizat teragung Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Di dalamnya terkandung segala rahsia ilmu dan pengajaran yang boleh diambil sesuai dengan keperluan manusia yang sedang mencari-cari Tuhan. Sebahagian ayat Al-Quran mampu menggetarkan hati dan membuatkan seseorang menangisi segala dosa dan kesalahan yang pernah dilakukannya, lalu memberikan ketenangan hati kepadanya sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Sad, ayat 29 :

Tafsirnya : "(Al-Quran ini ialah) sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepada mu (wahai Nabi Muhammad) yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkannya dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran".

Apabila seseorang memahami sifat Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Mendengar, Maha Melihat dan Maha Mengetahui, maka ia akan menahan lidahnya, anggota tubuhnya dan gerak hatinya daripada segala yang tidak disukai Allah Subhanahu Wata'ala. Begitu juga apabila seseorang memahami sifat-sifat Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Indah, Maha Agung dan Maha Perkasa, maka semakin besarlah keinginannya untuk bertemu Allah Subhanahu Wata'ala di hari akhirat sehingga bersungguh-sungguh memenuhi segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya dengan memperbanyakkan amal ibadah. Ia akan sentiasa menjaga kelakuan dan tindakannya kerana yakin, Tuhan yang Maha Melihat segala yang dikerjakan hamba-hamba-Nya.

Begitu juga dengan mempelajari sirah Nabawiyah iaitu dengan memahami perilaku dan keperibadian, keagungan dan perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, akan menumbuhkan rasa kasih sayang dan cinta kita terhadap Baginda. Kecintaan kepada Baginda pula kemudiannya berkembang menjadi keinginan untuk mencontoh keperibadian dan mematuhi segala nasihat dan sunah yang ditinggalkannya, sebagai amanah dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa ada seorang lelaki mendatangi Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lalu bertanya, "Wahai Rasulullah, bilakah akan tibanya hari akhirat?" Lantas Baginda bersabda, "Apakah persiapan mu untuk menghadapi hari akhirat?" jawab sahabat, "Wahai Rasulullah, aku telah mengerjakan sembahyang, menjalani ibadah puasa dan bersedekah, namun aku merasakan semua itu belum mencukupi buat bekalan ku. Namun ketahuilah di dalam hati, aku sangat mengasihimu, ya Rasulullah". Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "InsyaAllah, di akhirat kelak engku akan bersama-sama orang yang ku kasih". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Jelaslah bahawa mengasihi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah salah satu jalan menuju Syurga dan membaca riwayat hidupnya (sirah) adalah cara terpenting untuk lebih mudah memahami dan mencintai Baginda.

Sesungguhnya mempelajari nilai-nilai agama Islam dengan menghayati syariat Islam, hukum-hukumnya, akhlak yang diajarkannya, perintah dan larangannya, akan menimbulkan keagamanan terhadap kesempurnaan ajaran agama Islam.

Begitu juga dengan merenungi tanda-tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang ada di sekeliling kita. Renungkanlah kejadian alam, sesungguhnya kita perlu yakin bahawa ada kekuatan luar biasa yang mampu menciptakan alam yang sempurna ini. Di dalamnya terbina sebuah struktur dan sistem kehidupan yang rapi dan lengkap.

Kita juga hendaklah berusaha keras melakukan amal perbuatan yang baik secara ikhlas. Lakukan pembersihan hati daripada sifat-sifat buruk dan selalulah menjaga kesuciannya. Miliki sifat mahmudah seperti sabar, tawakal, takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan jauhi sifat mazmumah seperti tamak, kikir, berprasangka buruk dan sebagainya.

Perbanyakkan zikir, tasbih, tahmid, tahlil, takbir, istighfar, berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengajak orang lain kepada kebaikan serta melarang kemungkaran, istiqamah dalam mengerjakan Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Akhirnya, kita memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga menjadi hamba-Nya yang sentiasa beriman dan bertakwa, memiliki hati yang tenang dan tenteram, berbahagialah dan berjaya di dunia hingga ke akhirat yang kekal abadi, *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "Dialah yang telah menurunkan ketenangan dalam hati orang-orang yang beriman supaya keimanan mereka bertambah di samping keimanan mereka yang sedia ada. Dan Allah Maha Menguasai tentera langit dan bumi. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana". (Surah Al-Fath, ayat 4)

Bantu meningkatkan pengetahuan bakal jemaah haji

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



OBJEKTIF kursus berkenaan diadakan adalah untuk membantu bakal jemaah haji mempelajari, memahami dan meningkatkan pengetahuan mengenai manasik haji secara teori dan praktikal agar bakal jemaah dapat melaksanakan ibadat haji dengan teratur dan sempurna (atas dan kiri).

dikongsikan oleh para pengkursus seperti Masjidil Haram di Mekah, Masjid Nabawi di Madinah, Padang Arafah dan Mina.

Kursus diadakan di tujuh buah pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah iaitu, empat buah di Daerah Brunei dan Muara, iaitu Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut; Sekolah Ugama Lambak Kanan, Jalan 1, Kampung Perpindahan Lambak Kanan; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas; dan Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar.

Kursus juga bertujuan untuk menyelaras dan menyeragamkan hukum-hakam berkaitan ilmu manasik haji, umrah dan ziarah.

Di samping itu, kursus berkenaan juga bertujuan untuk memberikan gambaran keadaan terkini di Tanah Suci melalui video klip dan gambar-gambar

Manakala di Daerah Belait, pusat kursus adalah di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien.

Sementara bagi Daerah Tutong, pusat kursus adalah di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, manakala di Daerah Temburong bertempat di Sekolah Arab Temburong.

Pada pengkursus ibadat haji dan umrah yang dilantik adalah terdiri daripada guru ugama terlatih dan pegawai pelajaran dari Jabatan Pengajian Islam, pensyarah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), pegawai-pegawai dan imam-imam dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, pegawai-pegawai

dari Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Pusat Da'wah Islamiah, serta KHEU yang telah bersara dan mempunyai Sijil Tauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Kursus berkenaan diharap akan dapat membekalkan bakal jemaah haji dengan ilmu manasik haji dan umrah secara betul, teratur dan sempurna dan seterusnya dapat membantu para jemaah mencapai dan mendapat haji yang mabruk.

Bakal jemaah haji juga diharapkan agar mengambil maklum dan perhatian serta mematuhi apa juga dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak Kerajaan Arab Saudi.

KILANAS, Jumaat, 17 Januari. – Kursus Ibadat Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji (JUH), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diadakan secara serentak di keempat-empat daerah bermula hari ini.

Kursus berkenaan dijalankan selama 10 sesi dan akan berakhir pada 16 Februari 2025.

Antara objektif kursus berkenaan diadakan adalah untuk membantu bakal jemaah haji



AMALAN MENAMBAH KEIMANAN

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 17 Rejab 1446H bersamaan 17 Januari 2025M



IMAN YANG KENTAL DAN KUKUH AKAN MELINDUNGI MANUSIA DARI SEGALA MACAM KESESATAN, KELEMAHAN DAN PELBAGAI BENCANA LAINNYA



**BAGI MEMASTIKAN IMAN TERUS KEKAL PADA KEDUDUKANNYA
YANG TERBAIK:**




✓ ANTARA KAEADAH DAN CARA YANG BOLEH DIAMALKAN IALAH:



**DENGAN MEMPELAJARI ILMU AGAMA BERSUMBERKAN
AL-QURAN DAN HADIS**



MEMPELAJARI ASMAUL HUSNA



MEMPELAJARI SIRAH NABAWIYAH



PELAJARI KEHIDUPAN PARA SAHABAT RASULULLAH SAW, TABI'IN & TABI' TABI'IN & SEBAGAINYA



MEMPELAJARI NILAI-NILAI AGAMA ISLAM



**AN MENGHAYATI SYARIAT ISLAM, HUKUM-HUKUMNYA,
AKHLAK YANG DIAJARKANNYA, PERINTAH DAN
LARANGANNYA**

PENGUKUHAN KEKELUARGAAN MELALUI BIMBINGAN IMAM, MAKMUM

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid



KIARONG, Rabu, 15 Januari. - Sembahyang berjemaah bermaksud sembahyang yang didirikan lebih daripada seorang atau secara beramai-ramai, dengan diketuai oleh seorang imam.

It merupakan sesuatu yang ditutut di dalam Islam sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengajar kita bahawa sembahyang berjemaah itu boleh kita lakukan di rumah bersama orang-orang yang kita sayangi untuk meraih ganjaran pahala yang lebih besar.

Sehubungan itu, Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Ahli

Jawatankuasa Takmir Masjid, Jame' Asr Hassanil Bolkiah telah mengadakan Program Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Melalui Bimbingan Imam dan Makmum Dalam Keluarga. Acara berlangsung di masjid berkenaan, baru-baru ini.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mewujudkan perpaduan dan kesatuan keluarga dengan mendirikan sembahyang secara berjemaah. Di samping itu, ia juga menerapkan kehidupan bermasyarakat iaitu makmum mempunyai kewajipan untuk mentaati imam sebagai pemimpin.

Selain itu, program ini juga dihasrat untuk mengimarahkan

SEKITAR Program Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Melalui Bimbingan Imam dan Makmum Dalam Keluarga yang diadakan di Jame' Asr Hassanil Bolkiah (kiri, kanan dan bawah kanan).

masjid dengan majlis-majlis ilmu yang berkebajikan. Program pada hari tersebut diisikan dengan cara-cara berwuduk dan seterusnya mendalami lagi tayamum.

Hadir menyertai program tersebut adalah daripada kalangan pegawai dan kakitangan dari JHEM, Muslimah Jame' Asr Hassanil Bolkiah serta pegawai dan kakitangan jemputan dari sektor swasta.

Tenaga pengajar bagi sesi teori dan praktikal dalam program berkenaan disampaikan oleh Ketua Bahagian Imarah, JHEM, Awang Haji Fansuri @ Haji Mansur bin Mohamad Ali; Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Dayang Rabiatul Adawiyyah @ Nurul Mahfuzah binti Haji Mat Jali dan Dayang Nurul Janah binti Shahbudin.

Semoga dengan adanya program ini akan dapat merealisasikan hasrat pelbagai pihak dalam menghidupkan sembahyang berjemaah ke arah pembinaan 'Keluargaku Harapanku'.



Sembahyang cara dekatkan diri, mensyukuri nikmat Allah



PEGAWAI Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) semasa menyampaikan ceramah bertajuk 'Menghalusi Bacaan Dalam Sembahyang' (atas). Manakala gambar kanan, majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Januari. - Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) mengadakan Majlis Ceramah 'Menghalusi Bacaan Dalam Sembahyang' anjuran Kumpulan Dikir dan Tausyeh (wanita) BASMIDA bertempat di Ibu Pejabat BASMIDA, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali selaku Pengurus Majlis serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha

beramai-ramai oleh ahli BASMIDA diikuti dengan ceramah bertajuk 'Menghalusi Bacaan Dalam Sembahyang' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayang Nurhikmah binti Haji Idris.

Kemudian, majlis diteruskan lagi dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah serta selawat sebanyak 80 kali.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Penutup oleh Dayang Norsinah binti Haji Hidup.

Datin Dayang Hajah Masni dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, peristiwa Israk dan



Mikraj adalah mukjizat di antara mukjizat-mukjizat besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurutnya lagi, di antara perkara paling penting dalam peristiwa Israk dan Mikraj ialah pensyariatan ibadah sembahyang fardu lima kali sehari semalam kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Ibadah sembahyang disyariatkan sebagai satu cara untuk mendekatkan diri dan mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak terhingga nilainya banyaknya."

"Sembahyang yang dilakukan dengan penuh adab dan khusyuk dapat meningkatkan kualiti kehidupan seseorang dan masyarakat ke arah yang lebih baik, jiwa dan fikiran menjadi tenang dan semua urusan akan menjadi mudah."

"Ibadah sembahyang adalah ibadah paling utama di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan ia adalah jaminan untuk memperoleh keberuntungan di akhirat, malah sebagai alat mencegah perbuatan keji seperti perbuatan menyalahgunakan dadah haram dalam masyarakat."

Datin Dayang Hajah Masni juga turut mengajak untuk bersedekah dengan hati yang penuh ikhlas, agar mendapat berkat dan ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis diakhiri dengan penyampaian 20 naskhab buku PDI bertajuk 'Syurga Buat Wanita' dan sesi bergambar ramai.



Utamakan didikan agama, akhlak kepada anak

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Jabatan Penerangan

ANAK adalah anugerah dan amanah dari Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagai amanah, anak harus dijaga, dilindungi, dan dididik. Semua ibu bapa mahukan yang terbaik untuk anak-anak mereka terutama sekali dalam pendidikan agama, akhlak, sosial serta keperibadian yang unggul. Pembentukan keperibadian seseorang itu perlu diasihs sejak dari kecil lagi dan ini menjadi tanggungjawab kepada ibu bapa untuk memberikan teladan yang baik kepada anak-anak mereka.

Mendidik anak adalah tugas penting yang memerlukan kesabaran, perhatian dan teladan daripada ibu bapa. Tujuan utama mendidik anak adalah untuk membentuk peribadi yang memiliki akhlak mulia, cerdas, dan mampu menghadapi realiti kehidupan dengan bijak.

Pendidikan akhlak juga adalah komponen yang penting dalam membentuk karakter anak agar tumbuh menjadi individu yang berbudi pekerti, sopan santun, dan memiliki rasa hormat terhadap orang lain serta orang sekelilingnya. Adab merangkumi perilaku yang baik dalam berinteraksi dengan orang lain, baik dalam hal berbicara, bertindak, maupun berfikir.

Apa yang menjadi keutamaan untuk anak-anak adalah pendidikan agama kerana ia menjadi landasan dalam membentuk akhlak dan keperibadian yang baik. Sejak kecil lagi, ibu bapa mestilah menanamkan nilai-nilai agama dengan mengajarkan anak tentang asas dalam beribadah seperti solat lima waktu dengan mengajak keluarga untuk membiasakan sembahyang berjemaah dan menjadikannya sebagai rutin harian. Ini memberikan konsep kepada anak bahawa solat lima waktu itu adalah perkara yang wajib dikerjakan dan ia akan tertanam dalam diri anak-anak.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang diriwayatkan Abu Daud yang bermaksud, "Suruhlah anak-anak kamu itu (anak-anak laki-laki atau perempuan) mendirikan sembahyang apabila umur mereka tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika mereka enggan mendirikan sembahyang) apabila umur mereka 10 tahun, dan kamu pisahkanlah mereka dari tempat-tempat tidur mereka".

Dalam konteks hadis ini membuktikan penekanan mengenai kepentingan mendidik untuk bersembahyang sejak kecil lagi dan jiwa dan hati mereka akan bersih, akhlak

mereka akan terdidik serta pergaulan dan perbuatan mereka akan sentiasa terpelihara daripada perkara-perkara mungkar.

Di samping itu juga, anak-anak perlu diajarkan surah-surah pendek sebagai permulaan untuk membiasakan dan melembutkan lidah mereka meskipun pada awalnya tidak lancar tetapi ia adalah praktikal yang bagus untuk anak-anak kecil kerana mereka lebih mudah meniru apa yang orang dewasa lakukan atau ujarkan.

Inilah menjadi peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam membentuk anak-anak mereka dengan menjadi teladan yang baik dan diajarkan tentang adab, kesopanan dan nilai-nilai moral yang diajarkan dalam agama. Misalnya, menghormati orang tua dan serta menanamkan sifat tanggungjawab kepada orang lain.

Mendidik anak-anak tidak perlu dengan cara yang tegas atau keras. Sebaliknya, mendidik anak dengan penuh kasih sayang dan pengertian akan lebih efektif dalam membentuk sikap positif mereka terhadap agama.

Selain pendidikan agama, anak-anak juga perlu diajarkan untuk melibatkan diri dengan kegiatan kemasyarakatan seperti bergotong-royong membersihkan rumah, membantu ibu bapa dalam apa jua hal. Ini membantu mereka untuk menerapkan nilai

kerjasama dan saling bantu membantu. Pada masa yang sama dapat mengerakkan hubungan keluargaan dan mendidik anak terlibat dalam aktiviti yang berafaedah dan bermanfaat.

Ibu bapa juga perlu mananamkan nilai kejujuran terhadap anak-anak kerana ia adalah salah satu nilai moral yang paling penting dengan mengajarkan anak untuk selalu berkata jujur. Ibu bapa juga perlu menjadi teladan dalam hal ini dengan selalu berkata jujur kepada anak. Ketika anak melakukan kesalahan, dorong mereka untuk mengakui dan bertanggungjawab, dan tunjukkan bahawa kejujuran adalah jalan untuk memperbaiki keadaan.

Berikan sepenuh perhatian terhadap anak-anak dan ini membantu dalam meningkatkan tahap komunikasi dan interaksi anak sekali gus memperkasa nilai sosial mereka. Ibu bapa juga seharusnya menerapkan nilai bermusyawarah terhadap anak agar mereka lebih selesa untuk meluahkan perasaan jika timbulnya masalah terhadap diri mereka sekali gus menjaga kesejahteraan mental anak-anak.

Dengan pendekatan yang bijaksana dan konsisten, anak-anak akan dapat menjadi individu yang tidak hanya cerdas dalam ilmu dunia, tetapi juga memiliki keperibadian yang baik sesuai dengan ajaran agama.



Pendaftaran semula kad SIM prabayar telefon bimbit bermula 2 Januari sehingga 31 Disember 2025

Ita merupakan usaha untuk mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan, dan untuk menentang peningkatan aktiviti menyalahi undang-undang dan penipuan.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak menyerahkan, meminjamkan, menyewakan, atau menjual kad SIM telefon bimbit mereka kepada orang lain.

Jika seseorang mendapat bahawa butiran mereka telah digunakan tanpa kebenaran, sila laporan kepada pihak polis dengan segera untuk siasatan lanjut.



Bagi pengguna di bawah umur 12 tahun, pendaftaran semula hendaklah dibuat di bawah nama ibu bapa atau penjaga mereka.

Sekiranya pendaftaran semula tidak dilaksanakan pada tempoh 90 hari yang ditetapkan, ia akan dinyahaktifkan.

Orang ramai dinasihatkan untuk berwaspada ke atas sebarang kemungkinan scammers menyamar sebagai penyedia perkhidmatan untuk mendapatkan data peribadi.

Penyedia perkhidmatan akan memaklumkan mengenai tempoh pendaftaran semula yang ditetapkan, melalui SMS sahaja.



Pendaftaran semula kad SIM : Lengkapkan pendaftaran pada tempoh ditetapkan

Oleh : Norliah Md. Zain

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

PIHKAN Berkuasa Industri Teknologi Info - komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) akan mengukuhkan lagi pelaksanaan langkah-langkah kawal selia berkaitan pendaftaran kad Subscriber Identity Module (SIM) prabayar telefon bimbit.

Sehubungan itu bermula 2 Januari sehingga 31 Disember 2025, AITI dengan kerjasama dan sokongan Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. (Progresif) dan Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) telah melaksanakan program pendaftaran semula kad SIM prabayar telefon bimbit itu secara berperingkat mengikut giliran yang ditentukan, di mana penyedia-penyedia perkhidmatan akan memaklumkan pelanggan masing-masing mengenai tempoh pendaftaran semula melalui notifikasi SMS. Tidak ada bayaran dikenakan untuk pendaftaran semula.

Ita merupakan antara usaha untuk mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan, dan untuk menentang peningkatan aktiviti menyalahi undang-undang dan penipuan yang dijalankan melalui panggilan dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

AITI bekerjasama dengan UNN dan penyedia-penyedia perkhidmatan telefon bimbit iaitu DST, Imagine dan Progresif, untuk mewujudkan rejim kawalseliaan yang praktikal bagi pendaftaran kad SIM prabayar telefon bimbit.

Bukan sahaja di NBD malah beberapa negara lain termasuk Australia, Singapura, Thailand, Malaysia dan Switzerland juga

telah memandatkan pendaftaran kad SIM prabayar telefon bimbit.

Kepentingan rekod pengguna

Rekod pengguna yang tepat dan terkini adalah penting dalam usaha berterusan pihak-pihak penguat kuasa undang-undang bagi mencegah penyalahgunaan pendaftaran kad SIM yang boleh digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang, penipuan dan penyebaran berita palsu dalam talian.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak menyerahkan, meminjamkan, menyewakan, atau menjual kad SIM telefon bimbit mereka kepada orang lain untuk mengelakkan penyalahgunaan kad SIM berkenaan.

Seterusnya bagi penukaran hak milik kad SIM, orang ramai adalah disaran untuk mendaftarkan semula kad SIM dengan penyedia perkhidmatan telefon bimbit masing-masing untuk menjalani proses pendaftaran semula dan pendaftaran akaun baharu.

Jika seseorang mendapat bahawa butiran mereka telah digunakan tanpa kebenaran, sila laporan kepada pihak polis dengan segera untuk siasatan lanjut.

Proses pendaftaran semula

Bagi pelanggan DST, pengguna-pengguna telefon bimbit prabayar yang telah melanggar atau mendaftar sebelum 1 November 2024 adalah dikehendaki untuk menjalani proses pendaftaran semula dengan DST.

Bagi pelanggan Progresif dan Imagine, pengguna-pengguna telefon bimbit prabayar yang telah melanggar atau mendaftar sebelum 2 Januari 2025 adalah dikehendaki untuk menjalani proses pendaftaran semula dengan penyedia perkhidmatan tersebut.

Dalam pada itu, pengguna-pengguna baharu yang telah melanggar atau mendaftar secara fizikal di cawangan-cawangan penyedia perkhidmatan telekomunikasi bermula 1 November 2024 sehingga 1 Januari 2025 adalah dikecualikan daripada menjalani proses pendaftaran semula.

Pemberitahuan melalui SMS sahaja

Penyedia perkhidmatan awda akan memaklumkan mengenai tempoh pendaftaran semula yang ditetapkan, melalui SMS. Adalah diingatkan bahawa penyedia perkhidmatan awda tidak akan menghubungi mengenai pendaftaran semula melalui panggilan telefon atau mana-mana platform pesanan seperti WhatsApp atau Telegram.

Pelanggan kad SIM prabayar adalah disaran untuk melengkapkan pendaftaran mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan perkhidmatan mereka tidak terjejas dan juga untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

Orang ramai juga adalah dinasihatkan untuk berwaspada ke atas sebarang kemungkinan scammers menyamar sebagai penyedia perkhidmatan untuk mendapatkan data peribadi awda.

Sekiranya pendaftaran semula tidak dilaksanakan pada tempoh 90 hari yang ditetapkan, ia akan dinyahaktifkan. Tempoh lanjutan selama 30 hari akan diberikan mulai hari ke-61, di mana semua perkhidmatan yang berbayar (iaitu panggilan dan SMS,

data Internet dan perkhidmatan tambah nilai) akan digantung.

Dokumen yang diperlukan

Bagi warganegara Brunei dan penduduk tetap, dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran ialah kad pengenalan kuning yang asal dan masih sah; atau kad pengenalan ABDB atau Polis yang asal dan masih sah; atau kad pengenalan ungu yang asal dan sah untuk penduduk tetap.

Bagi warga asing pula yang diperlukan kad pengenalan hijau yang asal dan masih sah; atau pasport atau pas kerja asal dan masih sah.

Bagi syarikat-syarikat tempatan pula, dokumen diperlukan adalah surat kebenaran dari pemilik syarikat, syarikat berdaftar: Borang X dan Notice of Situation of Registered Office dan Pemilik Tunggal ataupun Perkongsian: Sijil Pendaftaran 16/17.

Bagi pengguna di bawah umur 12 tahun, pendaftaran semula hendaklah dibuat di bawah nama ibu bapa atau penjaga mereka. Pengguna berkenaan hanya akan dapat mendaftarkan semula di bawah nama sendiri sekiranya sudah mempunyai kad pengenalan sendiri dan perkara ini perlu dikemas kini kepada penyedia perkhidmatan.

Sehubungan itu, pihak AITI ingin menasihati orang ramai untuk bertanggungjawab ke atas kad SIM yang berdaftar di atas nama masing-masing. Bersama-sama kita mencegah penyalahgunaan kad SIM yang boleh digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang, penipuan dan penyebaran berita palsu dalam talian.

Tingkat pengetahuan pemandu pelancong melalui Bengkel Asas Bahasa Isyarat

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



SERAMAI 16 peserta daripada industri hospitaliti dan pelancongan menyertai Bengkel Asas Bahasa Isyarat untuk pemandu pelancong (atas), manakala gambar kiri, antara peserta semasa menerima sijil penyertaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Januari. - Bengkel Asas Bahasa Isyarat untuk pemandu pelancong telah diadakan dari 14 hingga 15 Januari 2025, di VIP Lounge, Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan penyertaan seramai 16 peserta daripada industri hospitaliti dan pelancongan.

Mereka juga berpeluang untuk mempelajari bahasa isyarat asas, memahami budaya Orang Kurang Pendengaran (OKP), dan mempraktikkan senario kehidupan

sebenar bagi meningkatkan kemahiran komunikasi mereka dengan pelancong OKP atau mengalami masalah pendengaran.

Dalam usaha untuk mempromosi keterangkuman dan meningkatkan pengalaman pengunjung untuk semua pelancong, Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Khas (JPK), Kementerian Pendidikan menganjurkan Bengkel Asas Bahasa Isyarat yang

disesuaikan untuk industri berkenaan.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk membekalkan barisan hadapan terutamanya pemandu pelancong, penyambut tetamu, ejen perkhidmatan tetamu dengan kemahiran yang diperlukan untuk berkommunikasi dengan berkesan dengan pelawat OKP dan mengalami masalah pendengaran, bagi memastikan pengalaman yang lebih lancar dan bermakna untuk semua.

Bengkel selama dua hari

berkenaan telah dipimpin oleh pengajar bahasa isyarat yang berpengalaman dari JPK, Kementerian Pendidikan yang mempunyai kepakaran dalam komunikasi dengan OKP dan kepekaan budaya.

Jabatan Kemajuan Pelancongan percaya bahawa setiap pelancong harus berpeluang untuk terlibat sepenuhnya dan menikmati pengalaman perjalanan mereka, tanpa mengira kemampuan atau pilihan komunikasi mereka.

Dengan menawarkan Bengkel Asas Bahasa Isyarat berkenaan, Jabatan Kemajuan Pelancongan bukan sahaja mempromosi keterangkuman tetapi juga meningkatkan kualiti perkhidmatan keseluruhan yang disediakan untuk para pelancong.

Para peserta yang berjaya menyelesaikan bengkel berkenaan menerima sijil penyertaan bagi mengiktiraf komitmen mereka untuk menyediakan perkhidmatan pelancongan yang inklusif dan boleh diakses.

JIPK kongsi statistik penguatkuasaan undang-undang tahun 2024

Siaran Akbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) suka-suka mengongsikan statistik berkaitan dengan penguat kuasa undang-undang, JIPK yang telah dijalankan di sepanjang tahun 2024.

Sebanyak 347 aktiviti operasi

dijalankan bagi operasi secara persendirian JIPK dan Operasi Bersepadu dengan agensi-agensi penguat kuasa.

Manakala jumlah individu warganegara asing yang diusir kerana telah melakukan kesalahan di bawah agensi-agensi penguat kuasa seperti JIPK, Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan

Narkotik, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan lain-lain lagi adalah berjumlah 735 orang.

Sementara itu, bagi statistik individu yang didakwa di mahkamah adalah berjumlah 44 orang; individu yang dikenakan denda kompaun pula adalah 2,849 orang dan jumlah kompaun yang dikutip bagi tahun 2024 adalah berjumlah BND1,319,700.

Sehubungan itu, berdasarkan kesalahan-kesalahan yang direkodkan, kesalahan yang tertinggi adalah di bawah Peraturan 35(2) Akta Imigresen,

Penggal 17 iaitu kegagalan majikan / individu untuk menyambung tempoh Pas Kerja bagi pekerja mereka hingga ia mansuh.

Manakala kesalahan kedua tertinggi adalah di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu warganegara asing tinggal lebih masa di negara ini setelah pas mereka mansuh.

Kesalahan ketiga yang tertinggi adalah warganegara asing menyalah syarat-syarat yang tercatat dalam Pas-pas Imigresen yang diberikan.

JIPK seterusnya mengingatkan orang ramai untuk lebih peka tentang akibat-akibat jika melakukan kesalahan dan melanggar akta dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JIPK.

Jabatan ini juga sentiasa mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).


**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM**

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.



Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

(Social media icons: Instagram, Facebook, YouTube)



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Kepimpinan Bermula Dari Diri Sendiri'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2025
- 2.'Perpaduan Kunci Pembangunan'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2025
- 3.'Kesan Media Sosial Kepada Kanak-Kanak'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



ePaper Pelita Brunei



KEJOHANAN BOLA JARING HPA DITERUSKAN LAGI



AKSI para pemain bola jaring pada Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31, Tahun 2025 (kiri dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

BERAKAS, Jumaat, 17 Januari. - Kejohanan Bola Jaring Antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-31, Tahun 2025 diteruskan lagi bagi hari kedua hari ini bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Pada kejohanan di sebelah pagi tadi menyaksikan mutu permainan yang mantap dan berdaya saing antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menentang Kementerian Pendidikan di Gelanggang 1.

Di perlawanan itu, Kementerian Pendidikan berjaya menewaskan KHEDN dengan skor 19 - 3.

Manakala bagi perlawanan seterusnya, pasukan Kementerian Kesihatan berjaya mengalahkan pasukan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dengan jaringan 24 - 12.

Sementara itu beberapa perlawanan lain juga diadakan di Gelanggang 2 antaranya pasukan KHEDN menentang pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bertemu Jabatan Perdana Menteri (JPM). Kejohanan Bola Jaring Antara

Kementerian-kementerian sempena HPA Kali Ke-31, Tahun 2025 ini disertai oleh 10 kementerian terdiri daripada JPM; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Pertahanan; KHEDN; Kementerian Pendidikan; KSSUP; Kementerian Pembangunan; Kementerian Kesihatan; KHEU; dan MTIC.

Antara tujuannya adalah sebagai projek pembangunan sukan bola jaring jangka masa panjang dan berterusan, di samping meningkatkan usaha sama dan persefahaman dalam kalangan pegawai-pegawai di bawah kementerian masing-masing dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan bola jaring di

Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kejohanan juga dapat menyiapkan pemain-pemain untuk membiasakan diri dengan suasana perlawanan bola jaring yang standard serta memberikan galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan bola jaring di samping menarik minat dan memberikan keyakinan (*self-confident*) pemain-pemain.

Penyertaan kejohanan dibukukan kepada semua pegawai dan kakitangan di kementerian - kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan NBD, dan kejohanan akhir dijangka akan diadakan minggu hadapan Jumaat, 24 Januari 2025.

PES benam FC Phosphor, 8 - 0

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUNGKU LINK, Khamis, 16 Januari. - Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024/25 menjadi medan untuk menggilap bakat

BRUNEI FUTSAL LEAGUE

OCTOBER 24 - JUNE 21
LTI PURPOSE HALL BERAKAS
SDN BHD INDOOR FUTSAL



SUASANA perlawanan antara PES dengan FC Phosphor bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan, Universiti Brunei Darussalam.

pemain, sekali gus menjadi platform bagi memperkuuh dan meningkatkan pembangunan sukan futsal yang mampan dan

berdaya saing di negara ini.

Sehubungan itu, BPFL meneruskan lagi kejohannannya perlawanan antara PES dengan FC Phosphor bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan, Universiti Brunei Darussalam, di sini, baru-baru ini.

Pada perlawanan tersebut Pasukan PES menang selesa menewaskan FC Phosphor dengan keputusan 8 - 0.

Pemain Pasukan PES, Ahmad Muazzib Haririe Haji Awang Md. Daud antara pemain licik yang berjaya menghadiahkan tiga gol bagi pasukannya pada minit ke-3, 18 dan 32.

Serangan demi serangan juga berjaya dilakukan oleh pemain PES sehingga berjaya menghadiahkan lagi beberapa gol hasil jaringan Muhd. Niswad Al-Hakeem Haji Marzuki pada minit ke-10, Khairun Nadzereen

Haji Awang Md. Daud pada minit ke-19 dan Muhd. Ammar Rawi Abdul Suwardy pada minit ke-24.

Walaupun gagal menjaringkan sebarang gol, namun FC Phosphor tetap terus berusaha gigih dalam menentang pasukan

lawan.

Pasukan PES meraikan kejayaan besar mereka dengan dua gol penyudah masing-masing dijaringkan oleh Muhd. Niswad Al-Hakeem dan Pengiran Md. Hazlan Pengiran Haji Idris pada minit ke-38 perlawanan.

Tahukah Awda

MEMBUAT, menjual, mengeluarkan, atau mengedarkan apa jua barang atau produk yang mempunyai gambar mata wang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam dalam apa jua saiz, skala ataupun warna, termasuk penggunaannya dalam sebarang iklan, tanpa kebenaran Brunei Darussalam Central Bank merupakan satu kesalahan di bawah Bab 21(1), Perintah Mata Wang, 2004. Kesalahan ini boleh membawa kepada hukuman denda atau penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

SUMBER : Brunei Darussalam Central Bank

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA MEMENUHI SEGALA SURUHAN DAN MENINGGALKAN SEGALA LARANGAN-NYA